

Volume II
No. 16

Tuesday
28th June, 1960



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

MOTION—

The Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance
[Col. 1735]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 1821]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Tuesday, 28th June, 1960

The House met at 10 o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., P.I.S., J.P.
- " the Prime Minister, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- " the Deputy Prime Minister and Minister of Defence,
TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " the Minister of External Affairs, DATO' DR. ISMAIL BIN
DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- " the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca
Tengah).
- " the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- " the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- " the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR
(Pontian Utara).
- " the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG
YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- " the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- " the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).
- " TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N., Assistant
Minister (Johore Tenggara).
- " ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI
KHAN, J.M.N., J.P., Assistant Minister (Batang Padang).
- " TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant
Minister (Kota Star Utara).
- " ENCHE' CHEAH THEAM SWEE, Assistant Minister (Bukit
Bintang).
- " ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K., Assistant
Minister (Klang).
- " ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, Assistant
Minister (Jerai).

The Honourable ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).

- .. ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- .. ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- .. ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- .. ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- .. ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHAN SWEE Ho (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- .. TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN (Raub).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
- .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

The Honourable ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).

- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis)
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh)
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- .. ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- .. DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- .. ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
- .. ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- .. ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- .. ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- .. WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- .. ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
- .. ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- .. ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- .. ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- .. PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- .. ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).

.. the Minister of Labour, **ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN**
(Kuala Pilah).

.. **ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K.** (Parit).

.. **ENCHE' KHONG KOK YAT** (Batu Gajah).

.. **ENCHE' LEE SAN CHOON** (Kluang Utara).

.. **DR. LIM SWEE AUN, J.P.** (Larut Selatan).

.. **ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P.** (Port Dickson).

.. **ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM** (Ipoh).

.. **ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM** (Menglembu).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, **TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.**

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

**ADJOURNMENT TO
A LATER DAY**

(Motion)

**The Minister of External Affairs
(Dato' Dr. Ismail):** Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That at its rising this day the House do stand adjourned to 8th August, 1960, at 10.00 a.m.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enc'e Abdul Aziz): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising this day the House do stand adjourned to 8th August, 1960, at 10.00 a.m.

MOTION**THE SOCIAL AND WELFARE
SERVICES LOTTERIES BOARD
ORDINANCE**

Extension

Order read for resumption of debate on Question, "That in accordance with the provision of Section (1) of the Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance, 1950, the said Ordinance be extended for a period of five years with effect from 11th December, 1960" (27th July, 1960)

Question again proposed.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kapada segi kebajikan 'am dan juga kapada masyarakat, maka Social Welfare Lotteries Board ini ada-lah mustahak pada masa sekarang; lebeh² lagi manakala Malaya pada masa ini berkehendakkan kapada kemajuan negara. Membahathkan satu² usul dalam Dewan ini mengikut aliran ugama, boleh menimbulkan beberapa perkara yang rumit. Kapada ugama Islam judi itu sudah barang tentu haram dan berdosa-lah mereka yang mengamalkan-nya. Tetapi pada satengah ugama yang bukan Islam, menjual teket loteri yang saperti ini tidak pula, boleh jadi, termasok di-bawah gulongan ugama mereka itu; jadi terlepas-lah mereka itu daripada membuat dosa.

Maka dengan sebab itu-lah saya sebutkan tadi, jika sa-kira-nya perkara² ini kita bawa mengikut dari segi keugamaan, maka timbul-lah perkara² yang rumit. Mithal-nya, mengikut undang² dalam Persekutuan (Federal) dan juga bagi undang² dalam negeri² termasok-lah negeri Kelantan dan Trengganu, saya perchaya menjual arak itu berkehendakkan lesen, jadi berbangkit-lah pula sama ada negeri² dan juga bagi pehak Kerajaan Persekutuan ada-kah berdosa atau pun membelakangkan segi keugamaan manakala membenarkan lesen untuk

menjual arak baik dalam Persekutuan mahu pun dalam negeri²? Maka perkara ini terpulang-lah kepada pehak, terutama sa-kali Ahli² Yang Berhormat daripada P.M.I.P. memikiran-nya, sama ada perkara itu berdosa atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini bukan-lah negara Islam, tetapi ia-lah satu negara yang meng'itiraf ugama Islam sebagai ugama rasmi. Maka jikalau sa-kira-nya kita membawa perkara yang sa-umpama ini atau pun membahathkan perkara menjual tiket loteri itu ikut segi keugamaan, maka pada fikiran saya hal itu kita boleh-lah pula membahath manakala satu usul yang mana kita berkehendakkan atau mahu menjadi kan Malaya ini negara Islam terlebih dahulu. Kerana kita memandangkan tiap² satu usul atau pun undang² yang kita hendak kemukakan dalam Dewan ini, bukan sahaja kita memandang kapada keugamaan Islam kita bahkan kita memandang juga dari segi pendudok² yang mengandungi berbagai bangsa dan ugama dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Dengan sebab itu, kalau sa-kira-nya hendak membahathkan perkara ini dari segi ugama², maka mustahak-lah kita meng'itirafkan Malaya ini negara Islam terlebih dahulu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dalam uchapan Menteri yang bersangkutan dengan hal Social Welfare Lottery ini ia telah menyebutkan khidmat² yang telah di-berikan oleh Lembaga Loteri di-dalam soal² kebajikan musharakat.

Tuan Yang di-Pertua, menimbangkan sa-suatu tentang baik burok-nya pada pendapat saya mustahak-lah di-asaskan kapada tiga asas. Yang pertama tujuan-nya, yang kedua chara-nya dan yang ketiga natijah-nya. Tetapi nampak-nya Kerajaan pada masa ini telah mengambil falsafah Micheveli yang memandang tiap² suatu yang elok natijah-nya walau pun tidak elok jalan-nya itu ada-lah elok. Apa sahaja yang natijah-nya baik, walau pun tidak baik jalan-nya, maka benda itu di-namakan baik. Tiori Micheveli ini memang telah menjadi amal politik; tetapi kita mengetahui kebaikan yang

sampai di-dalam natijah² khidmat yang di-sebutkan itu telah menimbulkan tidak baik yang pula berkehandakan kapada layanan.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, menurut keterangan sa-malam sakian million untuk maksud kebajikan ini dan sakian million untuk kebajikan itu, tetapi mari-lah kita renongkan daripada poket siapa-kah million itu datang-nya. Menurut apa yang dapat saya perhatikan, orang² yang membeli tiket loteri ini kebanyakannya ada-lah orang² yang mengharapkan sa-suatu dengan jalan yang mudah; seperti selalu-nya ia-lah dengan jalan judi. Maka terdapat-lah pembeli² tiket loteri ini tersusun daripada ra'ayat² yang miskin.

Pada suatu masa dalam tahun 1953, Tuan Yang di-Pertua, masa saya sakit dalam sa-buah hospital di-Kuala Kangsar sa-lama 3 bulan, saya perhatikan pelayan² hospital itu kebanyakannya membeli tiket loteri sa-banyak \$20.00 atau \$25.00 pada sa-bulan. Jika di-katakan ini luar biasa, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-siasat halus² neschaya kita akan dapat melihat bahawa orang yang bergaji di-bawah \$100 telah menjadikan tiket loteri sebagai satu jalan untuk memberi jaminan pada waktu hadapan. Kejadian ini tentu-lah meng'akibahkan kepayahan hidup kapada orang² itu hingga apabila tiba masa dan bulan-nya yang dia terasa bahawa dia akan menang dalam tiket loteri ini, di-jual-nya kerusi-nya dan meja-nya untuk mendapatkan sa-helai tiket loteri. Akibanya ini tentu-lah tidak di-reportkan kepada Kementerian sebab ini penderitaan ra'ayat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat ia-lah duit terkumpul dengan banyak-nya yang di-pindahkan dari poket² orang yang menurut fikiran kita lebih baik menahan duit itu keluar daripada memberi kapada perkhidmatan. Tetapi kalau-lah khidmat² yang di-kemukakan oleh Lotteries Board, khidmat² yang di-perlukan oleh negara maka tidak ada-lah satu sebab yang kita merasa bahawa wang kita itu mesti datang-nya daripada orang yang miskin yang berangan² hendak kaya.

Tuan Yang di-Pertua, akan bangkit-lah orang mengatakan bahawa tidak siapa pun memaksa mereka itu membeli tiket loteri, ini ada-lah kehendak mereka itu sendiri. Saya perchaya kalau di-paksa mereka itu membeli tiket loteri tentu-lah lebeh kuat tentang kita kapada-nya. Sunggoh pun tidak di-paksa tetapi kita menggunakan philanthropy yang ada pada orang² yang kecil pendapatan-nya supaya boleh-lah mereka itu mendapat satu angan² hidup telah menyebabkan Kerajaan menjalankan paksaan yang tidak nampak—Incentive atau tarekan hadiah \$135,000 dengan hadiah² sagu hati \$10,000 dan sa-bagai-nya bukanlah kecil bahkan terlalu kuat untuk di-hadapi oleh orang² yang pada masa ini tidak dapat menyimpan wang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan khidmat yang dapat oleh Kerajaan dari Lotteries Board ini datang daripada orang kecil untuk di-berikan kapada orang kecil. Transit yang berlaku di-dalam loteri ini tidak-lah boleh di-jadikan hujjah bagi mengekalkan perjalanan loteri ini. Kalau ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ada ringan-nya tetapi malang-nya ada racket² orang² yang merebut kesempatan untuk menggunakan ada-nya Social Lotteries Ordinance ini bagi kepentingan mereka sendiri. Ini pun di-luar ma'lumat Kementerian sebab Kementerian tidak ingin tahu perkara² yang sa-macham ini. Recket² ini berhad dan orang² yang membeli-nya hanya orang² yang ta' sanggup membayar \$1.00 untuk mendapat satu tiket maka di-buat-nya-lah peratoran tikam ekor. Tikam ekor ini pun berbagai² perengkat, ada tikam dua, ada tiga, ada empat; saya belum tahu sama ada, ada satu atau tidak. Tetapi tikam ekor ini merupakan pengaroh loteri lebeh jauh. Orang² yang dahulu-nya boleh memberi sa-ringgit mendapat nasib satu nombor sekarang dapat membeli 10 nombor 10 sen. Kalau menang dia tidak dapat \$135,000 tetapi dengan 10 nombor yang di-dapati-nya kalau menang satu tiket tikam ekor boleh jadi dia dapat \$100, boleh jadi \$500, boleh jadi mendapat \$300. Ini melebar-kan lagi pengaroh pergantongan ka-pada perjudian di-dalam hidup manusia

yang saya rasa bukan kechil 'akibah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, tikam ekor ini boleh jadi Kementerian tidak tahu. Dia sudah menyatakan kebaikan-nya, biar-lah saya terangkan di-sini kekejaman-nya bukan sabaja di-pekan², bukan sahaja di-kampung², di-kampong saya sendiri orang² perempuan pun tahu dan pandai bertikam ekor, akhirnya perjudian merebak di-seluroh hidup ra'ayat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hal² yang sa-macham ini tidak di-timbulkan sa-mata² dengan kehendak orang itu berjudi sendiri tetapi di-timbulkan oleh suatu judi, yang di-halalkan bahkan yang di-pelupori oleh Kerajaan dalam negeri ini. Kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat mengelakan diri kita daripada chain of reaction.

Apabila kita buat satu pekerjaan jangan-lah kita rasa bahawa ka-benda itu sahaja-lah perbuatan kita; yang lain itu di-luar tanggong jawab kita. Sa-sudah kita mengetahuï bahawa yang kita tujukan daripada membenarkan Social Welfare Lotteries Board ia-lah supaya dapat berkhidmat kapada masharakat, hendak-lah juga kita timbangkan kepinchangan masharakat yang timbul dengan ada-nya loteri dalam masharakat. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam menghadapi soal ini dan sa-sudah kita mendengar bahawa banyak million yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan bagi di-belanjakan oleh Lotteries Board ini bagi kepentingan masharakat, saya merasa tidak boleh-lah angka tiga million sa-bulan kalau pun tiga million sa-bulan bahkan ta' sampai saya kata, kata-lah dua million sa-bulan per-khidmatan yang di-berikan, tidak boleh angka itu di-pegang sa-bagai satu angka yang bersendirian. Tetapi daripada tahun 1952 sampai kapada tahun 1959 kita melihat-lah berapa ratus bahkan berapa ribu million yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dari wang-nya sendiri. Maka apa-kah sebab-nya yang kita hendak besarkan wang yang kecil ini sebab di-chelah² ratusan ribu million itu maseh boleh di-tarek daripada ke-wangan negara bagi kepentingan masharakat yang ada-lah menjadi kewajipan negara itu sendiri membetulkan-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal loteri, akibat-nya hendak-lah kita timbangkan. Sa-orang Ahli Yang Berhormat baharu sa-bentar bangun menyatakan, jangan-lah kita bahathkan hal ini dari segi ugama, sebab kalau kita bahathkan dari segi ugama maka kekachauan-nya banyak. Saya perchaya ka-banyak Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak faham bahawa ugama ini ada-lah keperchayaan kita. Dan kita merasakan bahawa pengajaran ugama kita itu hendak-lah kita amalkan walau di-mana juga. Yang menjadi soal di-sini ia-lah sama ada pengajaran yang di-berikan oleh ugama kita itu ada mempunyai sebab² prektikal. Jadi sekarang ini dengan sebab² prektikal, dengan akibat² yang buruk kepada masharakat itu kita merasa pengajaran ugama itu amat-lah baik kita jalankan. Maka pada perasaan saya, Tuan Yang di-Pertua, hal yang saperti ini jangan-lah menjadi satu hal yang menghalang kita daripada menchengah perkembangan penyakit bergantong kapada judi di-dalam hidup manusia dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Lotteries Board sudah berjalan dan memberi khidmatan-nya, tetapi jangan-lah kita lupa bahawa daripada tahun 1952 sampai kapada tahun 1959 12 million daripada wang-nya yang terkumpul itu telah di-berikan kapada ejen. Kita tahu bahawa tujuan Kerajaan membuat Undang² ini ia-lah supaya membolehkan orang² dermawan, kata-nya, membeli tiket loteri, dan ini untuk kebajikan masharakat. Pertama saya hendak membahathkan, apa-kah tarekan pertama kalau membeli tiket ini. Boleh jadi pehak Kerajaan, oleh kerana tidak ingin tahu dan mengakui beberapa hakikat, mengatakan itu ada-lah dengan rasa orang hendak berkhidmat kepada masharakat maka di-beli-nya tiket loteri itu. Tujuan-nya supaya dapat menderma dengan chara tidak lang-song. Tetapi mimpi yang ada pada orang² itu ia-lah dengan hadiah 135 ribu itu telah menerbalekkan hujah ini, sebab kalau betul-lah Social Welfare Lotteries Board ini bertujuan hendak berkhidmat kepada masharakat apa-kah sebab-nya dia memberikan hadiah sampai 135 ribu, sampai merupakan satu kekayaan

yang di-mimpi²kan. Persen hadiah berbanding dengan persen khidmatan tidak-lah berjauhan. Maka kalau ada unsor perkhidmatan benar² tentu-lah nisbah hadiah-nya di-rendahkan hingga membolehkan menjadi satu hujah bahawa orang yang mengambil tiket loteri ini tidak bertujuan hendakkan hadiah yang banyak tetapi hendak berkhidmat dan hadiah di-berikan itu ada-lah merupakan hadiah suka-hati kapada penyer-taan-nya di-dalam kerja kebajikan bukan sa-bagai satu nasib baik yang di-timbulkan oleh judi.

Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi Kementerian memikirkan bahawa kalau bagitu, kita kechilkan hadiah ini. Tetapi Kementerian sendiri telah memberi kenyataan bahawa pada satu masa di-dalam tarikh tiket loteri ini sudah ada melunchor ka-bawah perkembangannya sa-hingga terpaksa Lembaga itu mengadakan peperekasan semula dan memberikan jaminan tentang hadiah dan tidak lagi hadiah itu di-khaskan atas tiket yang telah di-keluarkan oleh Lembaga Loteri. Ini membuktikan bahawa yang menjadi soal pokok di-dalam Social Welfare Lotteries ini ia-lah judi. Itu soal yang dahulu ke-mudian baharu-lah kebajikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-buah negara ta' usah-lah sampai hendak menjadi negara Islam baharu soal ini hendak di-timbulkan. Sa-bagai sa-buah negara yang bertanggong jawab kapada moral orang ramai, yang bertanggong-jawab dengan akibat² kerja² yang di-halalkan oleh Undang² ini, patut-lah sudah Social Welfare Lotteries ini di-berhentikan dan Undang² ini di-tolak.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong chadangan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri, kerana hendak melanjutkan masa-nya selama 5 tahun lagi. Saya terlebih dahulu suka mengambil kesempatan di-sini menguchapkan terima kaseh kapada Lembaga Kebajikan Masharakat kerana telah dapat mem-bina tiga buah masjid batu dalam kawasan saya ia-itu kawasan Langat, dan dua buah madrasah Sekolah Ugama yang di-bina daripada batu beratap-kan genting. Kita telah faham bahawa

loteri kebajikan masharikat ini ia-lah di-bena dengan tujuan yang baik, dengan niat yang ikhlas untuk satu permasharikatan kerana membina permasharikatan dalam Tanah Melayu ini.

Sa-malam Ahli Yang Berhormat daripada Besut mengatakan yang loteri ini ia-lah satu perjudian. Saya berpendapat ia-itu loteri kebajikan masharikat yang kita bahathkan ini tidak-lah boleh di-iktirafkan satu perjudian. Ulama' di-Tanah Melayu ini tidak sa-pakat, bagitu juga ulama' di-luar Tanah Melayu tidak sa-pakat, tidak 'iktiraf yang mengatakan loteri itu judi. Ahli Yang Berhormat daripada Besut telah menggambarkan kepada kita ia-itu satu gambaran yang buruk berkenaan dengan loteri ini dengan memberi gambaran yang kata-nya sa-umpama sa-orang perempuan yang menjalankan pekerjaan churang, barangkali tujuan Yang Berhormat itu ia-lah "pelachoran", dan di-umpamakan loteri itu loteri sa-macham perempuan yang churang itu.

Itu, Tuan Yang di-Pertua, jauh beza-nya di-antara langit dengan bumi, oleh kerana perempuan yang churang itu sudah tetap dosa-nya, perbuatan zina itu tetap dosa-nya dan sudah tentu haram. Lagi pun Ahli Yang Berhormat itu telah menerangkan beberapa kali kata-nya, oleh kerana membeli teket loteri itu di-dapati banyak orang² yang menjadi papa, rosak akhlak dan rosak 'akal dan sa-bagai-nya di-samping itu kata-nya lagi boleh merosakkan permasharikatan, tetapi boleh-kah Yang Berhormat itu menunjukkan siapa orang-nya yang sudah rosak 'akal, rosak akhlak kerana membeli teket loteri itu. Ini tidak-lah boleh kita katakan yang judi itu memang haram.

Masa'alah ini ia-lah masa'alah yang belum sa-pakat terhadap ulama'² di-Tanah Melayu bahkan juga ulama'² di-luar Tanah Melayu, kerana masa'alah ini tidak boleh di-bandingkan sa-umpama sa-orang perempuan saperti kata Yang Berhormat itu bahawa masa'alah ini ia-lah masa'alah ugama Islam. Dalam ugama Islam kita ini ada masa'alah² yang tidak dapat ulama'² bersepakat umpsama-nya, dalam masa'alah usalli dan kunot dalam sembahayang. Ada ulama' mengatakan usalli ini sunat, tetapi ada ulama'

mengatakan usalli ini tidak sah. Maka masa'alah loteri ini pun demikian juga.

Ahli Yang Berhormat dari Besut ada mengatakan bahawa lagi besar wang loteri, lagi banyak dapat bantuan daripada wang kebajikan masharikat, maka bertambah besar lagi dosa-nya. Sekarang ini, saya chuba hendak mendatangkan fikiran di-sini ia-itu "mane lebeh besar dosa-nya, kalau pun niat Yang Berhormat itu wang loteri ini lebeh besar dosa-nya dari sisi ugama Islam membiarkan masjid itu runtuh". Satu² masjid itu roboh dengan tidak di-perbaiki, dengan tidak ada umat Islam di-dalam-nya, pada fikiran saya lebeh baik wang ini di-ambil untuk di-bena masjid batu dan boleh-lah umat Islam yang hendak berbuat 'ibadat, sembahyang dalam masjid itu mudah²an dapat pahala, Kalau betul kata-nya berdosa, lebeh baik lagi mengambil wang ini daripada membiarkan masjid itu runtuh, itu lebeh besar dosa-nya. Perchakapan ini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan melanggar dasar² Islam ia-itu saperti mana Ahli dari Besut berchakap sa-malam dari segi ugama Islam dan berdasarkan ugama Islam. Kata-nya, negeri kita ini ugama Islam ugama resmi, maka jangan-lah kita melanggar dasar² Islam, tetapi sunggoh bijak Ahli Yang Berhormat dari Besut itu di-mana dalam hujah-nya bak kata pepatah Melayu: "Kuman di-seberang laut kelihatan—gajah di-depan mata ta' nampak". (*Betul*). Oleh kerana Persatuan Islam sa-Tanah Melayu telah selalu melanggar dasar² Islam

Mr. Speaker: Order! Order!

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib: Terima kaseh. (*Ketawa*). Mengikut dasar Islam, undang² Islam, orang yang menggunakan ugama Islam, ayat Kor'an, itu kerana fa'edah parti-nya, itu pun dosa yang besar. (*Tepok*). Betul kata orang² ulama' bahawa orang² ulama' tidak suka membeli teket loteri, itu memang sa-benar-nya, tetapi orang² yang wara' dalam sejarah Islam, ta' usahakan loteri, jadi chalon pun dia ta' muhu. (*Ketawa*). Itu-lah orang ulama'. (*Ketawa*). Kalau sa-lagi muhu menjadi chalon, muhu bertanding merebut kerusi, ta' boleh mereka itu mengaku

yang dia itu ulama' dengan sewara²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari pehak sana, saya ta' tahu dari mana datangnya, sa-malam mengatakan bahawa wang kebajikan loteri masharakat ini telah di-dapati sa-banyak \$32 million yang mana di-ambil keterangan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kata-nya lebih \$3 million sahaja sa-tahun. Dia mendarangkan usul supaya pejamkan mata di-samping kita hapsukan loteri kebajikan masharakat supaya Kerajaan Perikatan mengeluarkan wang sa-banyak \$3 million sa-tahun itu untuk ugama dan kebajikan. Saya suka hendak terangkan ia-itu perkara ini ta' ada kena mengena dengan loteri kebajikan masharakat, ini perkara lain. Perkara loteri kebajikan masharakat ini ia-lah kerana suatu perkumpulan yang hendak memberi bantuan kapada mereka² dan juga kapada Persatuan yang mahukan bantuan dan berkehendakkan bantuan. Berkennaan dengan wang \$3 million itu, Ahli Yang Berhormat dari pehak sana mengatakan supaya Kerajaan mengeluarkan untuk faedah ugama dan masharakat. Kerajaan Perikatan telah pun mengeluarkan wang sa-tahun berpuluhan million kerana untuk ugama dan masharakat, memang telah ada—bukan ta' ada, ini perkara lain.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesehatan dan Kebajikan Masharakat, kerana saya tidak suka memandang keburokan kehidupan masharakat kita di-kampung. Saya dukachita sa-kiranya loteri ini di-tutup, maka harus-lah orang kampong yang berkehendakkan bantuan dalam serba-serbi kehidupan dan kedudukan yang baik sadikit akan terganggu dan tidak dapat memberi bantuan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan saperti saudara² saya tadi menguchapkan banyak² terima kaseh kerana telah banyak mendapat bantuan, terutama sa-kali dalam kawasan saya dalam negeri Kedah; bantuan² ini sa-lain daripada membina Masjid², Madrasah dapat juga bantuan membuat sekolah ugama, saya tidak tahu-lah di-negeri²

lain saperti negeri² Kelantan dan Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi ia-itu pada petang sa-malam pehak pembangkang daripada Socialist Front, terutama sa-kali pehak PAS, Yang Berhormat dari Besut telah memberi banyak hujah² supaya loteri ini di-tutup, kata-nya antara lain kita jangan pandang soal wang, tetapi kita mesti-lah kaji wang itu daripada mana datang-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menerangkan di-sini kepada Ahli Yang Berhormat itu, kalau-lah kita kaji wang yang di-pungut oleh Kerajaan sekarang ini atau pun yang telah lepas dengan sa-halus²-nya ia-itu daripada mana datang-nya, saya ingat, barangkali susah wang yang di-pungut oleh Kerajaan itu hendak di-bersehi dan di-halus. Saya rasa allowance yang di-beri kapada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ada-lah wang chukai yang di-kutip oleh Kerajaan Persekutuan sekarang ini termasuk chukai arak dan lain² lagi yang di-haramkan oleh ugama Islam

AN HONOURABLE MEMBER: Bukan loteri!

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: ... sa-perkara lagi Ahli Yang Berhormat itu berkata loteri yang di-jalankan sekarang ini mengikut perjalanan penjajah. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi penerangan sadikit walau pun chara itu di-jalankan oleh siapa sa-kali pun, kita mesti-lah pandang perjalanan itu memberi kebajikan kapada ra'ayat dan negara kita sekarang ini. Kalau kita tidak hendak segala chara yang di-jalankan oleh penjajah di-masa kita di-jajah dahulu, saya rasa sekarang ini banyak bekas² yang di-jalankan oleh penjajah, maka patut-lah segala hak² di-masa penjajah dahulu kita rubohkan. Saya juga maseh ingat lagi ia-itu sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada PAS, kalau saya tidak salah Yang Berhormat dari Bachok kelmarin telah mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya membantu ranchangan² yang hendak di-buat di-pantai timor, terutama sa-kali di-negeri² Kelantan dan Trengganu. Ini menghairankan saya, sa-oleh² kita di-Dewan ini saperti budak², kalau hendak menchari wang, banyak yang

membangkang; kalau hendak membelanjakan-nya, banyak yang meminta. Tuan Yang di-Pertua, saya maseh ingat lagi di-waktu saya di-bangku sekolah dahulu ada cherita pak pander (*Ketawa*) semua orang tahu pak pander ini. Pada satu hari pak pander ini hendak makan pisang bakar; mak andeh kata, pergi-lah ambil api dahulu, baharu pisang ini boleh di-bakar, pak pander tidak mahu ambil api, dia hendak makan pisang bakar dahulu, kemudian baharu ambil api, jadi terpaksa-lah pisang itu ditonyoh kapada kayu yang hitam, beri dia makan (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, bagini-lah keadaan PAS.

Beberapa orang sahabat saya dari pehak Perikatan telah menerangkan berbagai² chara ia-itu Persekutuan Tanah Melayu kita sekarang ini bukanlah sa-buah negeri Islam, tetapi ia-lah negeri yang mengaku Islam itu ugama rasmi. Jadi soal ugama itu saya fikir ta' usah-lah kita bawa dalam Dewan ini. Soal ugama ini, soal masing² diri, kalau sa-orang itu dia hendak sembahyang 20 kali sa-hari atau lebeh daripada 5 kali pun tidak-lah di-tegah oleh Kerajaan yang mengaku Islam sa-bagai ugama rasmi dalam Persekutuan Tanah Melayu, kalau sa-kira-nya dia tidak mahu sembahyang langsung pun, itu bukan-lah tanggongan sa-siapa, itu tanggongan masing² diri, itu soal ugama, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini menyokong kuat usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat supaya loteri ini di-lanjutkan lagi 5 tahun.

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr. Speaker, Sir, I rise strongly to support the motion moved by the Honourable Minister of Health and Social Welfare. Furthermore, I, also take this opportunity to congratulate him for his far-sighted policy, guidance and hard work which have made the Social and Welfare Lotteries at present running so smoothly and profitably. Yesterday we heard how the Honourable Minister concerned cleverly planned to overcome the losses of running the lotteries during the early stages when it was first started. For this we should give him credit.

One of the Honourable Members of the Opposition did question as to why only a selected few were given agency for the sale of these lottery tickets. But I am sure he had not actually got what the Honourable Minister said in his speech during the course of moving the motion. Now, we should not forget all those who have done anything that has helped a good cause. These people, as mentioned by the Honourable Minister himself, have suffered losses in the beginning of the business.

I am sure all Honourable Members here are aware that the Social and Welfare Lotteries Board has assisted many helpless, underprivileged and handicapped people throughout the country. Many old folks homes have been built by the Social and Welfare Lotteries Board and they are still receiving grants from the Board. Besides, they have also built schools, mosques, madrasahs, etc. The Honourable Members of the P.M.I.P. may be interested to know that many mosque and madrasah committees in my constituency have applied in the past and are still applying for grants from this Board. I would like to recollect and let this House know that in one instance the construction of a mosque in my constituency—in Kampong Kelawar, Tanjong Malim—was held up because of a shortage of \$5,000 and they were so worried. Among the committee were a few old *hajis* and also the *imam*. They almost everyday came to my office and begged me to try to assist them to get funds from the Lotteries Board as soon as possible so that they could have the mosque ready by fasting month, which was approaching then. Therefore, I do not really understand why the members of the P.M.I.P. have a very different attitude with that of the people in my constituency. Furthermore, quite a number of Honourable Members from the P.M.I.P. have said that these lotteries have wrecked the morals of the kampong people. But as far as I know all those I have come across who have bought lottery tickets, whether they are kampong people or town people, they all tell me "I buy this ticket *tolong orang miskin dan try*

nasib". (Laughter). That is the intention of buying these lottery tickets.

The Honourable Members of the P.M.I.P. are strongly against foreign loans and now they are also against the running of Social and Welfare Lotteries. Therefore, for the past so many days I have been sitting here trying to gather what substantial points they have got to propose to the Government to substitute the Social and Welfare Lotteries to obtain money to continue the work of the Social and Welfare Services Lotteries Board, but till today I have not heard of anything. Much had been said in this House when an Honourable Member from the P.M.I.P. moved a motion to ban lotteries.

I do not think I would like to elaborate any further as regards the motion. In conclusion, basing on the facts that I have mentioned, there is a great pressure for the continuance of the Social and Welfare Lotteries Board services and in the absence of any other reliable and better source to obtain funds for these services, I once again strongly support that the Social and Welfare Services Lotteries Ordinance, 1950, be extended for a period of 5 years with effect from 11th December, 1960. Otherwise, Mr. Speaker, Sir, it is the poor people and those receiving grants from the Social and Welfare Services Lotteries Board who will suffer, and not those merely opposing the motion without substantial facts and proposals.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini ia-lah hendak membangkang kuat di atas usul yang di-bawa oleh Menteri

Mr. Speaker: Berchakap kuat sadikit!

Tuan Haji Hussain Rahimi: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini ia-lah hendak membangkang kuat di atas usul yang di-bawa oleh Menteri Kesehatan untuk di-luluskan masa'alah loteri ini. Baharu² sa-kejap ini dua daripada ahli² Yang Berhormat menchuba hendak menjalankan segi ugama, tetapi kedua²-nya itu meraba² kerana mereka kurang faham di-dalam segi ugama.

Saya rasa dukachita-lah mengikut bagaimana perchakapan ahli Yang Berhormat sa-kejap tadi yang saya pun tidak tahu kawasan-nya, tetapi ada-lah mereka mengatakan tiap²

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penerangan, tidak terdengar.

Mr. Speaker: Kuat sadikit!

Tuan Haji Hussain Rahimi: Jadi maksud dari perchakapan itu ada-lah tiap² gulongan manusia semua-nya makan benda yang haram. Maka ini ada-lah satu tuduhan yang tidak betul dan tidak kena mengena dari segi ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukachita selalu kita mendengarkan ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini menyebut hendak menchari ke-'adilan dan keselamatan kapada negeri; yang kita hairan ia-itulah masa'alah loteri ini hendak di-jalankan dengan 'adil, di-mana-kah asas-nya. Sebab saya kata saperti ini maka ada-lah perkara ini perkara yang bersangkut dengan perkara ugama dan akhlak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu pada meshuarat yang lalu saya maseh ingat lagi ia-itu Menteri Perdagangan ada berkata "Jikalau sa-kira-nya orang hendak chabar kapada saya sa-bagai mengkhianatkan kapada negara maka tidak saya ambil berat, tetapi sa-kira-nya saya di-chabar orang menentang ugama, saya tidak biarkan orang membuat tuduhan itu." Tetapi kalau beliau ingat perkataan-nya itu tentu beliau tidak akan menyokong usul yang sa-umpama ini; sa-kurang²nya diam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perkara ini bersangkut dengan ugama dan akhlak. Oleh yang demikian, izinkan saya menerangkan satu dua kerat ayat² Koran dan hadith² walau pun saya perchaya dan tahu Dewan ini tidak hendak membahathkan perkara ini, tetapi perkara ini ada-lah bersangkut dengan ugama. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebutkan ayat-nya itu.

Mr. Speaker: Terjemahan-nya sahaja chukup.

Tuan Haji Hussain Rahimi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dari segi ugama tidak di-sebutkan terjemahannya, melainkan dengan menyebutkan ayat-nya, kalau tidak, tidak di-izinkan dari segi ugama. Oleh yang demikian tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kena izinkan saya menyebutkan ayat-nya sa-bagaimana yang tersebut di-dalam Suratul al-bakarah ayat 219:

“Yasa'unaka 'anil khamri wal maisir. Qul fihiha ithman kabirun wa manafi'ulinnas, wa aithmuhumu akbar minnaf'i hima.”

Kami, Persatuan Islam sa-Tanah Melayu sedar dan tahu berkenaan dengan kegunaan loteri ini, tetapi Tohan sendiri telah menyebutkan di-dalam Koran ia-itu kegunaan-nya sangat kecil tetapi mudzarat-nya sangat besar. Walau bagaimana pun hari ini Ahli² Yang Berhormat berchakap bagitu bagini dengan mengatakan loteri itu di-gunakan kepada masjid², di-gunakan kepada sekolah² itu dan ini. Itu semua-nya tidak bererti, kerana perkara ini tidak di-suroh oleh Allah. Tetapi sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita patut memikirkan lebih lanjut, kerana negeri ini negeri kita sendiri. Manakala kita hilangkan loteri ini, tidak-kah boleh kita memikirkan perkara² yang lain untuk di-gantikan? Kalau sa-kira-nya kedudukan kita seperti ini, di-katakan tidak bijak dan pandai. Ini satu daripada penjelasan ia-itu loteri ini ada-lah satu perkara yang tidak boleh di-jalankan di-negeri ini walau pun sa-orang Ahli Yang Berhormat telah mengagongkan. Kerana perkara ini ia-lah perkara mungkar sa-bagaimana Nabi bersabda : من رأى منكم منكراً فليغير بيده فان لم يستطع فليسنهه فان لم يستطع فقلبه وذلك اضعف الايمان

Maksud-nya, kalau kita sakalian memandang perkara itu tidak baik, kena-lah kita mengubah-nya, jika tidak kuasa mengubah-nya, maka hari ini dimana letak-nya kekuasaan kita? Itu terpulang-lah kapada Dewan ini untuk memikirkan-nya. Saya tahu sa-bagaimana yang telah saya sebutkan, perkara ini boleh jadi ada Ahli² Yang Berhormat akan menyoal dengan kata-nya, apa-kah Parti Islam membahath perkara loteri sahaja pada hal banyak lagi perkara² yang lain? Maka terlebih dahulu saya menjawab-nya: mengikut undang² dalam Islam, dan saya rasa

undang² ini tidak-lah berlainan dengan undang² negeri, mithal-nya, sa-puloh perkara yang kita hendak buat, maka tidak dapat sa-puloh itu, melainkan sa-kadar lima perkara sahaja yang dapat di-buat, maka jangan-lah kita tinggalkan sakalian itu bahkan buat-lah lima perkara sa-kadar yang dapat itu. Ini saya rasa patut-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ingat dan memikirkan dengan lebeh lanjut baik apa parti juga, kerana kita di-jadikan oleh Allah dan kapada Allah kita sakalian akan kembali, rasa saya patut-lah Dewan ini menegaskan di atas dasar ini. Sa-kadar ini-lah sahaja.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesehatan dan Kebajikan Masharakat. Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan usul ini kita telah sama² mendengar di-dalam Dewan ini hujah² yang telah di-kemukakan oleh pehak pembangkang ia-itu parti Islam sa-Tanah Melayu yang mengatakan hujah mereka itu berpegang kuat yang di-dasarkan di atas fahaman ugama, bahawa loteri itu ada-lah haram. Saya bagitu juga memahamkan pada dasar yang tersebut bahawa loteri itu ada-lah sa-bahagian judi. Judi ada-lah satu pekerjaan yang buruk dan hina. Bukan sahaja ugama Islam yang mengutok fahaman loteri itu bahkan ugama² yang lain juga turut mengatakan bahawa loteri itu ada-lah sa-jenis judi.

Tuan Yang di-Pertua, judi atau Loteri Kebajikan Masharakah yang sedang berjalan di-dalam tanah ayer kita pada hari ini ada-lah sa-jenis loteri yang di-usahakan oleh satu badan yang bernama "Lembaga Loteri Kebajikan Masharakah". Dan badan ini-lah yang menjalankan tugas² dan kerja² untuk menchari wang kerana perkhidmatan masharakah di-dalam tanah ayer kita ini. Dan tiap² orang yang membeli loteri itu pun telah mengetahui bahawa tiket yang mereka beli itu ada-lah tiket yang telah di-keluarkan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masharakah kerana menchari wang untuk perkhidmatan masharakat negara yang pada masa ini berada di-dalam serba kekurangan. Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya

memberikan fikiran yang lebih panjang dalam Majlis ini, saya suka-lah mema' alumkan bahawa negara kita Persekutuan Tanah Melayu ada-lah satu negara yang baharu tiga tahun sahaja merdeka. Dan negara kita sa-lama 500 tahun dudok di-bawah penjajah dan telah menemui dengan berbagai² kesukaran dan kesengsaraan terutama sa-kali dalam soal kesehatan, di-dalam soal pelajaran dan di-dalam soal tem-pat² menjalankan 'amal ibadat. Jadi dengan kerana itu nyata-lah terang bahawa negara kita di-hari ini atau bangsa kita di-hari ini terutama sa-kali orang² Melayu berada di-dalam keku-rangan. Maka dengan itu-lah kita ber-kehendakkan derma², saloran² untuk mendapatkan wang kerana memberi perkhidmatan kepada ra'ayat² yang menderita dalam negara kita ini. Sa-bagaimana saya terangkan tadi kita ber-kehendakkan wang untuk perkhidmatan kerana membasmikan penyakit² batok kering. Kita berkehendakkan wang kerana membasmikan buta huruf dan lain².

Dan bagitu pun saya juga ta' lupa memberi tahniah dan terima kaseh ka-pada pengasas² yang telah menjalankan loteri ini terutama sa-kali kepada Yang Berhormat Dato' Thuraisingham yang mana beliau sa-orang yang terutama sa-kali mengemukakan usul ini dalam Majlis Meshuarat Undangan, Persekutuan Tanah Melayu, di-masa yang telah lalu ia-itu dalam tahun 1949. Dengan perkhidmatan mereka itu, barangkali kalau ta' salah saya, dalam masa itu Yang Berhormat wakil Kuala Trengganu Selatan yang pada masa itu menjadi salah sa-orang daripada Menteri Besar yang dudok dalam Dewan ini. (*Hear! Hear!*).

Ini ada-lah satu perkara yang baik, satu bukti yang baik yang ta' dapat sa-siapa pun boleh manafikan, kerana seperti mana yang telah di-terangkan oleh sa-orang wakil yang baharu sa-kejap tadi mengatakan dengan membachakan ayat² Kor'an ia-itu benda yang haram itu jangan di-permain²kan. Ya, saya juga mengatakan, akan tetapi kita mesti ingat dalam ugama Islam mestilah kita nyatakan, tetapi ada kala-nya benda itu yang Islam mengharuskan seperti dalam soal "daging babi",

dalam soal makanan benda itu dengan tidak di-sebutkan dalam sebutan yang haram. Dan Islam telah mengakui bahawa benda itu seratus peratus haram, tetapi pula dalam kechemasan, dalam masa dharurat, dalam masa pembangunan yang sedang menderita dan merana ini maka pada ketika itu Islam juga telah mengharuskan dan mengamalkan. Juga oleh kerana itu, saya salah sa-orang yang berpegang tegoh, dan sa-bagai sa-orang Islam, saya juga mengatakan yang loteri itu haram, tetapi saya memandangkan bila negara kita Tanah Melayu ini berada dalam kechemasan, kemiskinan dan penderitaan maka sebab itu-lah mengikut istilah usul, mereka membenarkan bahawa keadaan dahulu itu boleh mengharuskan apa yang di-tegah-nya. Ya tuan² ketawa—(*Ha-ha-ha*) apa yang saya terangkan itu, (*Ketawa*) tetapi ini ada-lah satu saloran yang sa-benar dan di atas dasar² itu saya berpegang tegoh dengan memandangkan kapada keadaan negara kita Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini yang mana berkehendakkan banyak wang loteri kebajikan mashar- raktan ini. Maka dengan sebab itu-lah, saya menyatakan bahawa kita menjalankan bagi menchari wang dengan apa yang telah di-jalankan oleh Lembaga Kebajikan Masharakat itu harus di-jalankan. Dengan sebab itu, saya men-guchapkan terima kaseh dan berharap akan dapat berjalan khidmat-nya. (*Tepok*).

Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. Speaker, Sir, I do not think that any of my Honourable Muslim friends need have any scruples about accepting a gift from the Social and Welfare Lotteries Board because it is tainted with gambling, as it is not so. For instance, if I have a dollar to spare and want to gamble with it, before doing so I set aside thirty cents for charity. Surely no one can object to it as being tainted by gambling because no gambling has yet taken place. This is exactly what happens in the case of lotteries run by the Social and Welfare Lotteries Board, because in each lottery so much is set aside for expenditure, so much for tax and so much for social welfare, and it is only the balance that

is being put into the pool for the lucky draw. If I am lucky enough to draw a prize, say, of \$50,000 and I want to give part of it, then that gift can be objected to as being tainted, but surely not the money in the hands of the Social and Welfare Lotteries Board.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masharakat di atas usol-nya bagi melanjutkan perjalanan loteri kebajikan masharakat ini selama 5 tahun lagi. Kita telah mendengar beberapa hujjah² yang di-hadapkan dalam Majlis ini, ada di-antara-nya yang menyebutkan berkenaan dengan agent². Perkara ini kalau di-ambil perhatian yang sa-benar-nya daripada apa yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu chuma sa-banyak tiga belas peratus sahaja daripada kumpulan pungutan wang itu di-berikan kapada agent², dan juga bukan sahaja agent² yang di-sebutkan itu terima tiga belas peratus itu kesemua-nya daripada pendapat ini bahkan beribu² lagi orang² yang menjual tiket loteri ini dengan chara mendapat commission, dan juga mereka itu berharap daripada satu perkara ini sa-bagai satu mata pencharian untuk beribu² orang itu.

Kata Ahli Yang Berhormat dari Besut, loteri ini memburokkan social dan masharakat. Saya perhatikan perkara ini bahawa jika di-bandingkan dengan perkara² yang lebih mudzarat yang ada di-sekeliling kita ini, maka tidak boleh-lah di-katakan keburokan melebihi daripada yang lain². Dan jikalau-lah untuk hendak memperbaiki social dan masharakat, peribadi dan kehormatan, jika tak ada perkara² ma'siat yang besar² daripada itu yang sedang di-jalan dan di-'amalkan maka boleh-lah di-anggap perkara ini ma'siat besar. Puncanya ia-lah dengan memperbaiki jiwa sa-saorang itu dengan sechara mengajar kepada mereka itu supaya mengamalkan ajaran² yang berguna untuk kebaikan masharakat. Inilah satu chara yang boleh mengelakkan daripada keburokan social dan masharakat.

Persatuan Islam dengan perjuangannya berdasarkan Kor'an dan hadith²,

patut-lah mengambil bahagian yang chergas dalam perkara ini. Yang Berhormat wakil dari Besut dan juga Yang Berhormat wakil dari Bachok menegaskan supaya di-berhentikan perjalanan loteri ini dan untuk mengatasi perkara yang hendak di-buat kebajikan kapada orang² yang menderita itu, dapat-lah di-ambil sa-bahagian daripada peruntukan wang daripada pendapatan Kerajaan sendiri. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pengetahuan ia-itu di-mana-kah datang-nya wang² Kerajaan itu? Tak lain dan tak bukan ia-lah daripada pungutan chukai yang beribu² macham itu, pungutan² chukai yang di-kenakan kapada ra'ayat jelata ini. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat tahu ada-kah pungutan chukai ini di-luluskan oleh ugama Islam? Dan hukuman² ugama Islam sa-bagaimana kata Yang Berhormat wakil dari Kota Bharu Hulu itu bahawa perkara ini bersangkutan dengan ugama dan akhlak.

Baharu² ini saya terbacha dalam surat khabar ia-itu memungut chukai itu ada-lah termasuk dalam gulongan yang haram. Kalau bagitu, memungut chukai itu lebih merbahaya dan lebih mudzarat daripada loteri kebajikan masharakat ini, kerana sa-saorang yang di-kenakan chukai, jika orang itu tidak membayar chukai, undang² negeri akan menjalankan kuat-kuasa-nya ia-itu menda'awa orang itu dan harus orang itu di-denda dan sa-bagai-nya. Membeli tiket loteri itu ia-lah dengan sukarela dan ada juga dengan niat yang baik, mudahan² fa'edah-nya akan di-dermaikan kapada orang yang menderita yang berkehendakkan wang. Ugama Islam juga mengatakan: jika satu² perkara itu jatoh di-antara dua mudzarat, mestilah di-fikirkan yang mana-kah mudzarat itu lebih rengan. Pada pendapat saya loteri ini rengan daripada menge-nakan chukai. Oleh yang demikian itu saya sokong kuat supaya loteri ini di-jalankan sa-hingga pada suatu masa chara yang memungut chukai itu di-hapuskan dahulu. Waktu itu saya akan sokong supaya loteri ini di-hapuskan.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wang allowance yang di-beri kepada kita; itu datang-nya daripada duit Kerajaan,

saya fikir bedza-nya tidak berapa jauh, ia-itu duit yang tidak berseh juga, tetapi kita pakai terima sahaja diam² (*Ketawa*). Bagi menjawab rakan saya tadi, saya menegaskan bahawa kalau sa-saorang itu sa-benar² orang ‘alim, ulama, mereka itu tidak akan masok ka-Dewan ini, kerana dalam Dewan ini atau Dewan Tempatan serta Dewan Undangan Negeri kita membuat undang² dan banyak undang² itu di-tegah oleh ugama Islam saperti mengenakan chukai, mengenakan lesen dan perkara² yang di-tegah oleh ugama Islam. Saya menarek perhatian di-sini ia-itu jika kita hendak bincangkan perkara ini daripada segi ugama, harus kita tidak dapat mengelakkan daripada membuat atau ber-subahat dalam perkara ugama dan tidak dapat kita jauhkan diri kita daripada menerima dosa sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Besut sa-malam. Tuan Yang di-Pertua, sa-takat itu-lah sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membangkang usul ini. Kita semua telah mendengar bermacham² hujah dan dalil serta keterangan² yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat baik daripada pehak pembangkang mahu pun dari pehak Kerajaan. Tetapi pendirian saya biar-lah saya jelaskan bahawa masalah loteri ini terkandong di atas dua perkara, yang pertama-nya, perkara ugama dan yang kedua-nya perkara moral atau akhlak. Dalam perkara ugama orang yang tahu perkara ugama dan yang tahu membacha kitab, masalah loteri ini tetap-lah haram, tetapi kita berasa sedeh ada juga daripada kita di-sini ragu² di atas hukum Islam terhadap perkara loteri ini. Saya tidak hendak memanjangkan lagi hukum Islam terhadap loteri ini, kerana hukum-nya tetap haram. Berkenaan dengan perkara akhlak (moral) saya maseh ingat lagi ia-itu pada tahun 1957, Inter-religious Conference yang mengandungi sakalian bangsa yang dudok dalam Malaya ini ia-itu Melayu, China, Hindu, Christian dan Yahudi, semua bangsa ini telah mengeluarkan satu keputusan menentang perkara loteri ini. Perkara ini tidak dapat kita sembunyi-kan atau menidakkannya.

Kita tahu bahawa loteri ini kebajikan-nya banyak saperti yang di-bilangkan satu persatu tadi oleh Ahli² Yang Berhormat: menolong orang sakit batok kering, demam dan lain² lagi; ini memang kita akui kebaikan-nya. Tetapi jangan-lah kita lupa pula adalah kebajikan ini ada-lah tanggongan Kerajaan yang berdasarkan demokrasi, kebajikan ini tidak di-keluarkan dari-pada loteri. Di-negeri² barat sana telah menjadi satu tanggongan Kerajaan untuk membaiki ra’ayat dalam negerinya, baik di-England atau pun di-mana² juga semua-nya social services ini di-jalankan oleh Kerajaan daripada belanjawan-nya bukan daripada loteri; ini satu perkara yang terang. Loteri ini kalau kita lihat daripada segi akhlak (moral) apa-kah yang boleh kita dapat? Kita tidak boleh mengengkarkan bahawa loteri ini judi (gambling). Sekarang ini kita lihat Kerajaan sendiri menjalankan judi ini, Kerajaan sudah menggalakkan jiwa ra’ayat daripada sa-kechil² hingga kapada orang tua, berjudi, budak² sekolah yang berumor 7-8 tahun membeli tiket loteri, ajaran apa-kah ini? Kerajaan mengajar dan memasokkan jiwa yang kotor kapada budak² suka berjudi.

Kita tahu Kerajaan yang berdemokrasi berdiri di atas dua dasar ia-itu ugama dan moral, tetapi kalau Kerajaan kita yang mengaku Kerajaan yang berdemokrasi tidak berdiri di atas ugama dan tidak mahu pula berdiri di atas moral, maka di-mana-kah pendirian kita sekarang ini? Perkara ini sangat terang, ta’ usah-lah kita melarikan daripada tanggongan kita terhadap dua perkara ini.

Enche’ Lee Siok Yew (Sepang): Mr. Speaker, Sir, I rise to support this motion introduced by the Honourable Minister of Health and Social Welfare. In doing so, Sir, I like to point out two factors to this House. One factor is that which happened in my constituency some time in April last year. One of the P.M.I.P. members touched a lottery valued \$30,000 and naturally he became a rich man. He then stood as a candidate of the P.M.I.P. for the State election. Very unfortunately, he was defeated. (*Laughter*). His money came from the lottery.

The second factor—I remembered two weeks back one of the member of the Socialist Front who was also a very lucky chap—he touched a lottery, and he gave \$7,000 for his Party's political fund.

From these two factors I cannot see why the Opposition Parties, particularly the P.M.I.P. and the Socialist Front, oppose this motion.

Furthermore, I like to thank the Minister of Health and Social Welfare for giving more than \$13,000 to one of the kampongs in my constituency, Salak, to build a Sekolah Ugama, which will be put up very soon.

Mr. Speaker, Sir, I was a member of the District Social Welfare Committee for several years. This Committee considers all cases from disabled people, old women, tuberculosis cases, and so on, and the funds of this Committee comes from the State Welfare Committee. All these funds come from Lotteries Board. For example, in the District of Kuala Langat, there are more than 200 cases dependent on welfare relief from the District Welfare Committee. So, Sir, the Social Welfare lottery under this motion is not a gamble. I do not agree. I personally won't gamble, but for this Lotteries Board ticket, I think I spent at least \$10 a month—but up to this day I have not touched one yet! (*Laughter*). But I take this as a public charity body, and this charity body gets the money and gives it to kampung people. I am saying this because most of the town people have a high standard of living, but for the kampung people we should consider very carefully how to use these funds, to help the poor. And this is not a political issue, or to touch any "ugama". In my constituency, Sir, the kampung people are very pleased and grateful to the Welfare Committee and the Lotteries Board for granting funds to enable them to put up a Sekolah Ugama there. My kampung people's feelings are entirely different from those the States of Trengganu and Kelantan. For these reasons, Sir, I strongly support this motion, and I also would like to take this opportunity to appeal to the Minister of Health and Social Welfare to give more funds to my District

Welfare Committee both in Ulu Langat, and Kuala Langat.

Mr. Speaker: That is outside the motion!

Enche' Lee Siok Yew: Thank you, Sir.

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar): Tuan Yang di-Pertua, perbahathan atas usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesehatan dan Kebajikan Masyarakat supaya di-lanjut dan diperpanjangkan perjalanan dan perkhidmatan Loteri Kebajikan Masyarakat itu telah mengambil masa yang lanjut dan panjang daripada Ahli² Yang Berhormat Dewan ini. Nampaknya tentang yang hebat atas usul ini ia-lah terbitnya daripada pehak Parti Islam atau pun PAS. Tetapi sunggoh pun bangkangan itu datangnya daripada sa-buah parti yang mengaku menganut fahaman Islam tetapi saya berasa pada pagi ini sangat² mudah dan lega untuk menjawab hujjah² yang di-datangkan oleh ahli² Yang Berhormat daripada pehak PAS kerana kebanyakannya daripada hujjah² dan alasan² yang telah diberikan di-dalam dewan ini di-tujukan kepada mudzarat dan menafa'at loteri itu, dan saya berasa lebih senang dan mudah untuk menjawab hujjah² dan alasan² yang sa-umpama itu.

Di-sini saya ingin menarek perhatian dewan ini kapada uchapan Yang Berhormat ahli daripada Besut yang telah mengatakan dalam uchapan-nya bahawa oleh kerana ugama Islam telah menjadi ugama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu maka ahli Yang Berhormat itu tidak suka-lah hendak melihat bahawa ugama yang di-aku ugama rasmi itu menjadi ejek-ejekan, olok-olokan dan main² sahaja dengan sebab ada-nya amalan loteri yang di-jalankan oleh Kerajaan pada ketika ini dan pada masa² yang akan datang. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak mengaitkan soal ugama Islam—Ugama Rasmi negeri ini dan dengan ada-nya satu perkara seperti loteri di-anggap sa-bagai satu ejekan kapada ugama Islam, maka di-sini saya ingin menegaskan ia-itu bukan soal loteri sahaja yang ada di-dalam negeri ini. Sedangkan dalam negeri Kelantan dan Trengganu

yang di-perentah oleh parti PAS sendiri, yang di-pegang teraju dan puchok pemimpin-nya oleh PAS sendiri maseh mengamalkan beberapa perkara yang tegak² melanggar hukum ugama Islam. Jadi adakah PAS di-Kelantan dan di-Trengganu itu senghaja hendak meng- ejek²kan ugama Islam dan hendak memperli ugama Islam. Bila kita menge- nangkan perjuangan PAS yang ka-mana ia pergi mengatakan hendak mem- perjuangkan ugama Islam, tetapi apa- bila PAS telah berkuasa di-Kelantan dan di-Trengganu dan memerentah negeri itu maka habis-lah segala kotor daripada negeri itu dan daripada jiwa orang² di-sana. Pada fikiran saya bagitu-lah yang akan berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bila menelek hal keadaan di-negeri Kelantan tidak juga sa-bagaimana yang di-chakapkan dengan berdegar² di-luar, waktu hendak merebut kerusi.

Dan lagi satu perkara saya fikir bahawa apakala Ahli Yang Berhormat daripada parti PAS yang pada hari ini dudok di-depan saya, datang ka-Dewan ini tentu-lah akan membawa satu usul yang di-situ akan merupakan chorak dan warna perjuangan PAS yang sa- benar-nya. Tetapi tiba² anak sulong PAS yang lahir dalam Dewan ini ia-lah hendak menahan loteri daripada di- teruskan. Di-sini saya teringat satu bidalan yang mengatakan, "zaman bunting tiba² beranakkan tikus".

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Anak sulong itu apa ma'ana-nya.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Saya ta' benarkan, Tuan Yang di- Pertua.

Mr. Speaker (kapada Enche' Othman bin Abdullah): Dia ta' benarkan. Yang Berhormat boleh meminta kebenaran dengan sharat dia hendak memberi. Kalau dia tidak beri, saya tidak boleh paksa dia. Sabar-lah dahulu sa-lepas dia berchakap, Yang Berhormat boleh bangun. Proceed!

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan kenyataan² Ahli Yang Ber- hormat daripada Besut yang telah membuat satu perbandingan dalam

uchapan-nya, kata-nya, kalau satu² tujuan itu baik maka tujuan itu akan menghalalkan chara dan jalan-nya, sa- hingga membawa satu chontoh sa- orang perempuan yang terpaksa me- melihara anak-nya dan tanggongan-nya dengan jalan menjualkan maruah diri- nya. Saya fikir perbandingan dan chontoh yang di-tunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah boleh di-pakai sama sakali dalam soal ber- kaitan dengan loteri ini. Kerana kalau masharakat negeri ini telah menjadi bagitu burok sa-hingga sa-orang perem- puhan hendak memelihara anak dan tanggongan-nya dengan jalan menjual- kan diri-nya, maka masharakat itu sudah terlampau jatoh sa-jatoh²-nya dan di-sini Tuan Yang di-Pertua, saya ta' nampak di-mana letak persamaan dalam kias perempuan menjualkan diri- nya dengan soal menjalankan loteri.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya ingin mengulas sa-chara 'am ulasan² dan hujjah² yang telah di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat yang membangkang chadangan ini. Kebanyakan hujjah² itu, Tuan Yang di-Pertua di-alaskan atau di-sandarkan kapada moral. Saya sendiri hairan bagaimana sa-orang Ahli daripada parti Islam ia-itu kalau tidak silap, Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir, mengatakan kita hendak-lah memandang soal loteri ini daripada dua segi ia-itu segi ugama dan segi moral. Saya hairan sunggoh² pandangan yang sa-umpama itu boleh terbit daripada sa-orang yang menganut faham Islam. Bagaimana-kah sa-orang yang berfahaman Islam boleh men- cheraikan antara Islam dengan moral, sa-olah² moral itu ta' ada kena mengena dengan Islam dan Islam tidak ada kena mengena dengan moral. Ini-lah baharu saya dengar bahawa Islam tidak ada kena mengena dengan moral, dan moral tidak ada kena mengena dengan ugama. Banyak lagi barangkali perkara yang kita akan dapat pelajaran yang modern, yang baharu daripada Ahli² Yang Berhormat Persatuan Islam sa-Tanah Melayu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok telah meminta Dewan ini supaya menimba- kan kepinchangan masharakat yang ter- bit daripada soal menjalankan loteri ini. Dan sa-bagai chontoh-nya beliau

menyebutkan kejadian masa dia berada di-Hospital di-Kuala Kangsar dengan pelayan²—entah lelaki atau perempuan—yang berebut² tiap² bulan membeli loteri. Di-sini beliau mengulas kata-nya, dengan sebab ada-nya loteri ini, ada sa-tengah² orang telah terpaksa menjual kerusi meja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ta' perchaya ada orang menjual kerusi meja kerana hendak membeli loteri dan kalau pun ada kejadian itu berlaku maka tidak-lah kejadian itu boleh di-gunakan sa-bagai satu alasan yang 'am bagi menahan dan menegah perjalanan loteri ini daripada di-teruskan kerana kebijakan², faedah² yang timbul daripada loteri ini telah di-sebutkan oleh rakan² saya di-sebelah sana dengan panjang lebar-nya ia-itu seperti mengadakan sekolah², madrasah² yang mana di-dalam sekolah² itu akan di-bentok jiwa anak² yang maseh mentah supaya penoh dengan perasaan ugama. Bukan-lah sa-bagaimana kata sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa dengan ada-nya loteri itu kita akan membentok jiwa anak² kita kapada suka berjudi. Wang yang di-ambil daripada hasil loteri itu banyak kita belanjakan, banyak kita gunakan untuk mendirikan mesjid yang mana di-situ orang² Muslim akan berdiri mengadap kapada Allah dan membuktikan rasa keham-baan-nya kapada Tohan di-samping membuktikan ta'at-nya kapada ugama.

Di-sini saya ta' nampak, Tuan Yang di-Pertua, kalau bersandar kapada menafa'at dan mudzarat, yang itu-lah menjadi alasan yang besar yang dikemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS tadi ia-itu mereka menegaskan bahawa mudzarat-nya lebih banyak, maka di-sini kita dapat membuktikan bahawa loteri ini bukan melateh orang² atau menggalakan kanak² belajar judi, tetapi daripada wang itu juga kita dapat mengajar anak² kita dalam sekolah² ugama yang di-dirikan dari wang loteri itu dan di-samping itu dapat kanak² itu di-didek dengan asohan ugama. Anak² itu akan menjadi besar dan biak dan harus Islam mereka itu akan menjadi lebih baik daripada orang² Islam yang ada pada hari ini, itu-lah harapan kita. Kalau kita hendak menjadi wara' sangat, ma'ana-nya orang itu suchi.

Saya gemar benar, suka benar kalau kita semua sanggop hendak menjadi orang yang suchi dan wara' benar², ta' muahu hendak terima melainkan benda yang berseh, suchi dan puteh. Saya suka benar kalau kita sanggop menjadi saperti itu, tetapi sekarang sa-bagaimana yang Ahli² Yang Berhormat tahu bahawa keadaan zaman pada masa ini yang keadaan mashar-rakat-nya rumit. Barangkali ada satengah Tuan² Guru dan Ahli² Yang Berhormat daripada Parti PAS hendak menunjok diri suchi dan berseh, tetapi mereka itu sendiri tahu bahawa chukai itu haram dan daripada hasil chukai itu-lah di-bayar gaji² dan elaun² kapada Ahli² Yang Berhormat itu maka dari mana-kah datang kesuchiaan dan kebersihan yang pura² hendak di-tunjukkan itu? Sa-perkara yang sangat menghairankan saya ia-itu telatah Ahli² Yang Berhormat daripada PAS yang berlagak bagaimana kata pepatah: "Tuma di-seberang lautan nampak—gajah di-tepi mata ta' kelihatan". (*Ketawa*).

Saya katakan demikian kerana mengikut ajaran ugama Islam tidak ada satu ma'siat dan dosa dalam dunia ini lebih daripada shirik atau pun menyengutukan Tohan, dan yang kedua besar dosa-nya menurut Islam ia-la' riba', dosa riba' di-dalam Kor'an di-ancharam dengan peperangan Tohan. Tidak ada satu dosa yang di-buat oleh sa-orang Muslim yang di-ancharam dengan peperangan daripada Tohan. Dalam dosa yang besar ini sa-patah pun kita ta' dengar daripada Ahli² PAS ia-itu meminta supaya riba' itu di-haramkan dalam Dewan ini. (*Tepok*). Kenapa? Ada jawab-nya, dan saya tahu jawab-nya. (*Ketawa*).

Di-sini nampak-nya tujuan mem-bahathkan soal loteri ini daripada ahli² pembangkang daripada PAS ia-la' untuk menyekat ra'ayat negeri ini dari-pada mendapat pertolongan, dan hendak menyekat fakir miskin dari-pada mendapat bantuan dengan hanya semata² bersandarkan yang konon-nya loteri itu lebih banyak mudzarat-nya daripada menafa'at-nya. Kita sanggop menunjukkan betapa besar-nya menafa'at yang di-dapati daripada loteri itu. Banyak masjid² dan surau² telah di-dirikan dengan wang loteri itu, bagitu

juga banyak sekolah² Ugama yang berdiri tersgam daripada wang hasil pendapatan loteri kebajikan masharifikat ini.

Saya tidak ingin supaya Ahli² Yang Berhormat dari Parti PAS ini salah sangka atau memikirkan yang saya ini mengatakan bahawa loteri itu bukan judi dan judi itu halal. Di-sini saya ingin menegaskan perkara ini, kerana saya tahu sa-tengah² daripada Ahli² Yang Berhormat daripada Parti Islam kerap kali—sa-telah keluar daripada Dewan ini—akan berchakap di-luar mengatakan kita Ahli² Perikatan menolak ayat² dan hadith² yang mereka bawa, pada hal sa-biji hadith pun ta' di-bawa-nya tadi. Banyak hujah² dan alasan² yang di-datangkan tadi ia-lah berputar² di-keliling menafa'tat dan mudzarat loteri ini, manakala moral, akhlak dan sa-bagai-nya di-pisahkan sama sekali daripada hukum² ugama Islam. Saya tidak suka Ahli² Yang Berhormat daripada PAS keluar dari Dewan ini dan menujoh kami menolak hadith², kerana sa-panjang perbahathan tadi tidak di-bawa dan di-sebut hadith² atau ayat².

Di-sini saya suka menerangkan bahawa sunggoh pun perkara ini ada tegahan-nya, tetapi kerana ada menafa't-nya dan fa'edah-nya maka kenalah juga di-teruskan dan di-jalankan. Alasan sa-umpama ini akan di-berikan kelak oleh ahli² PAS apakala kita bangkitkan soal riba' yang telah menjadi satu amalan dalam masharifikat negeri kita ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya saya tidak-lah berniat hendah masok champor lagi dalam perbahathan berkenaan loteri kebajikan masharifikat ini, oleh kerana usul membatalkan loteri ini telah di-kemukakan oleh Persatuan Islam dalam satu persidangan dahulu. Perkara ini telah kita bahathkan, dan saya telah pun kemukakan satu dua ayat, kalau pun Menteri Muda Penerangan lupa ayat² itu, dan sa-telah mendengar alasan² yang di-kemukakan-nya tadi yang mana telah di-nyatakan yang dia tak nampak satu ayat pun yang boleh mengatakan bahawa judi itu haram—tak nampak haram-nya, tetapi yang

nampak hanya halal-nya sahaja. Saya tak tahu ada-kah Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan itu tak nampak, atau sengaja buat² tak nampak, tidak-lah saya ketahui, tetapi yang saya tahu bahawa beliau itu ia-lah bekas sa-orang guru ugama Islam di-negeri Kelantan dahulu dan tentu-lah beliau itu tahu juga hukum² Islam, tetapi tak tahu-lah saya oleh kerana sudah jadi Menteri barangkali Kitab²nya sudah lama tak di-buka-nya malah boleh jadi lupa dan berlapok agaknya.

Perkara loteri ini telah kita dengar ada berbagai² pendapat. Satu daripadanya Ahli Yang Berhormat daripada Langat, kalau tak salah saya, dan satu lagi Ahli Yang Berhormat daripada Perlis yang dia tak ada di-tempat-nya sekarang. Kedua²nya tak ada bersesahaman. Satu mengatakan yang loteri ini tidak judi dan satu lagi mengatakan yang loteri ini judi—dua² ahli Perikatan, dua² orang Islam yang duduk dalam satu parti. Satu mengatakan haram, dan satu lagi mengatakan halal. Jadi, saya tak mengerti. (*Ketawa*).

AN HONOURABLE MEMBER: Itu freedom!

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Itu ia-lah freedom, tetapi keyakinan dalam satu² perbahathan kita itu tentu-lah ada. Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan mengatakan dan sanggop lagi mengatakan kata-nya "saya bukan-lah mengatakan tak haram", malah mengatakan loteri itu haram. Kata-nya ia-itu fa'edah-nya banyak, sekolah tinggi tersergam, masjid² banyak, di-dirikan semua-nya kerana wang loteri. Timbul satu masaalah kata-nya ia-itu mana besar dosa; Masjid runtuh-kah atau loteri ini di-haramkan besar-lah dosa masjid runtuh daripada loteri ini kata-nya. Tuan Yang di-Pertua, ini satu hukum baharu yang di-keluarkan oleh orang yang berlagak sa-bagai Mufti dalam Dewan ini, masjid runtuh ada-lah satu dosa; biar kerja ma'siat asalkan jangan masjid runtuh. Tetapi ada satu perkara yang mesti kita kembali kapada satu kenyataan ia-itu Tohan berfirman ia-itu "dosa-nya lebeh besar daripada

menafa'at-nya", ini saya perchaya sa-orang pun tidak akan berani mengatakan tidak betul bahawa kita perchaya ayat yang sudah saya bachakan dahulu ia-itu, "Ithmu huma akbar mim na-'ihima" dosa-nya lebeh besar daripada menafa'at-nya itu benar. Maka tentulah saya mengatakan bahawa firman Tohan itu benar, Tohan tidak bohong, Tohan tidak pandai koyok² macham tuan². Allah Ta'ala itu benar dan betul walau pun kita dirikan Masjid besar gunong sekali pun, tetapi Allah Ta'ala berfirman dosa-nya lebeh besar, tentang mana dosa-nya yang besar, saya nampak satu perkara yang agak-nya tidak-lah kita sebutkan dalam perbahathan ini ia-itu dengan ada-nya loteri yang di-buat oleh Kerajaan itu ada mempunyai satu ekor yang lain ia-itu loteri tikam ekor.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Kedah waktu menyokong loteri ini, ia sengaja agak-nya melupakan cherita tikam ekor ini. Yang Berhormat Menteri Pertanian kita pada suatu masa dahulu telah kelam-kabut kerana masaalah padi kuncha yang menyebabkan kemelaratan kehidupan mereka itu, dan saya tahu waktu saya melawat Kedah dan Perlis sadikit masa dahulu bahawa banyak daripada mereka itu telah tertarek kepada loteri tikam ekor ini, di-mana-kah loteri tikam ekor ini terbit? Di-antara lain² ia-lah dari-pada loteri kebajikan masharakat. Ada pun cherita berkenaan dengan tikam ekor ini ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, orang itu pergi ka-sapohon pokok atau ka-kubor² di-waktu malam dan meminta: "Eh!", kata-nya, "dato' yang menjaga kubor dan pokok ini; sila tunjukkan kapada kami, nombor berapakah tikam ekor ini".

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan . . .

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Saya tidak memberi jalan . . .

Mr. Speaker: Biar dia duduk dahulu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): . . . yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada di-antara orang² Islam pergi tidur di-Masjid—ma'af—

di-kubor dato' nenek orang dahulu—kejadian ini di-Kedah—pergi ka-kubor itu minta, nombor berapa tikam ekor itu . . .

AN HONOURABLE MEMBER: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penerangan Kedah itu di-mana, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu lebeh faham dari-pada saya.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Saya tidak memberi jalan (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Dia tidak beri.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): . . . kalau tidak tahu tentang mana Kedah itu, elok-lah tuan pergi berjalan melawat kawasan mereka di-Kedah, atau melawat kawasan tuan sendiri di-Kedah.

Mr. Speaker: Tidak usah-lah di-jawab (*Ketawa*).

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): . . . yang ketiga, saya tahu dengan penerangan yang telah di-sampaikan pada saya berkenaan dengan hal ini jua ada pula orang yang pergi ka-tempat "tok pekong, sami², tok 'alim" minta nombor berapa tikam ekor ini. Apa-kah hukum-nya tikam ekor ini dalam Islam atau sa-barang orang yang berugama, biar dia Christian, Yahudi dan biar apa juga ugama orang itu? Ia-itu chuba menyengutui Tohan kapada Tohan yang lain? Dalam Islam perbuatan ini di-namakan "shirik" kita tidak boleh, "shirik" ini tidak ada ampun-nya, Tuan Yang di-Pertua, mana lebeh besar dosa sa-orang yang telah "shirik" daripada kita buat Masjid yang sa-besar Tanah Melayu, mana besar dosa-nya dan mana besar pahala-nya kalau di-bandingkan? Ini masaalah ugama, tuan², jangan ter-pengaroh sangat walau pun ada orang mengatakan dia tidak mendengar satu alasan pun yang kongkerit dari Islam berkenaan dengan masa'alah ini. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini bukan-nya forum Ugama, bukan-nya Dewan Ugama atau Dewan Mufti yang hendak membahathkan perkara ini. Kalau Dewan ini sa-bagai forum Ugama, kami bersedia mengemukakan alasan² Islam, waktu itu kita akan dapat menentukan; tuan² menerima

atau tidak. Sebab itu-lah alasan yang mengatakan dengan wang loteri Masjid besar, sekolah baik, Surau chantek, tidak sama sakali boleh di-jadikan alasan mengatakan dan menghalalkan loteri.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Perlis juga mengatakan tadi ia-itu benar loteri ini haram, tetapi, Islam pada satu² masa boleh mengharuskan sa-suatu yang haram, kata-nya. Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu petua baharu, sebab dalam Islam yang haram tetap haram; yang halal tetap halal. Kalau sa-kira-nya yang haram itu terpaksa di-ambil; hukum-nya tetap haram, tetapi, "fala isma-alaihi" dosa sahaja tidak ada "Famanittura ghaira baghin wala aadin Fala ithma alaih", Ah! Ini, Tuan Yang di-Pertua,

AN HONOURABLE MEMBER: Tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): tidak faham belajar, Tuan Yang di-Pertua, sa-siapa yang terpaksa melakukan sa-suatu

Mr. Speaker: Order, order! Kalau tuan hendak berchakap 'Arab, saya tidak benarkan di-sini (*Ketawa*) kerana bahasa yang di-gunakan

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Chakap Koran

Mr. Speaker: Jangan di-jawab—dua bahasa sahaja yang boleh di-gunakan ia-itu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kalau ayat itu di-keluarkan daripada Koran dan Hadith, itu saya benarkan; kalau sengaja berchakap 'Arab di-Majlis ini saya tidak benarkan (*Ketawa*).

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchakap 'Arab; ini ayat Koran yang berbunyi: "Famanittura ghaira baghin wala aadin fala ithma alaihi" sa-siapa yang terpaksa tetapi dengan niat tidak hendak melanggar hukum. Mithal-nya, seperti yang di-kemukakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Perlis tadi kata-nya ia-itu kalau terpaksa, makan babi halal, dalam Islam benda ini tidak boleh di-katakan halal, benda ini haram, tetapi bila terpaksa tidak berdosa melakukan-nya. Maka saya

tidak nampak satu dalil yang di-kemukakan "tidak berdosa"—kata-nya, "Harus". Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saperti ini saya rasa biarlah dibahathkan baik². Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan kita tadi berkata, "Tidak pernah orang PAS mengemukakan satu ayat yang kongkerit, mana dia ayat-nya yang kami tolak, dia di-luar berchakap banyak, di-sini tidak berani mengemukakannya". Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berchakap bahawa ada chabaran Tohan kapada kita dengan firman-nya: "Innamal khamru wal maisiru wal ansabu wal azlamu rijsun min amalish shaitan fajtanibuhu".

Enche' Yahya bin Haji Ahmad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, kapada siapa yang dia marah² itu?

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi jalan, dan saya tidak marah.

Mr. Speaker: Tuan tidak memberi jalan, tetapi tuan jawab (*Ketawa*) ini salah; jangan di-jawab.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): ma'ana-nya, minum arak, main judi, semua-nya kerja shaitan, kerja itu mesti di-hentikan, tidak peduli siapa dan ini satu chabaran Tohan, kemudian kita buat juga, ma'ana-nya kita menentang hukum-nya; ini terserah-lah kapada kita semua, sebab dosa-nya masing² yang menanggong.

Jadi, apa yang kami kemukakan dan membangkang di-sini bukan-lah fa'edah kami, tetapi fa'edah kita bersama dan demi kesuchian Islam. Sabagai orang yang mengaku kebenaran Tohan bahawa ibarat yang di-kemuka dan yang di-lahirkan oleh Ahli² Yang Berhormat dari Perikatan dengan permainan yang saperti itu ada-lah satu mudzarat yang besar ia-itu akan melahirkan suatu i'tikad yang salah dalam kehidupan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sa-orang dari-pada sahabat saya telah menerangkan ia-itu Inter-religious Conference yang terdiri daripada Islam, Christian, Budha, Yahudi dan entah apa ugama lagi dalam Tanah Melayu ini telah

memutuskan dengan sa-pakat (ittifak) mengatakan benar, loteri ini haram. Jadi kalau kita yang ada di-dalam Dewan ini ia-itu ada yang Islam, Christian, Hindu, Brahman dan lain² tidak mahu mengikut keputusan ulama² itu, saya tidak tahu-lah apa yang akan terjadi, Tuan Yang di-Pertua, dan mana lagi ulama yang akan mereka patohi fatwa-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain dari-pada itu ada satu perkara lagi telah dibangkitkan di-sini ia-itu masaalah riba. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mustahak menjawab-nya kerana perkara masaalah riba itu tidak berkait. Jadi keterangan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Muda tadi ia-itu kenapa tidak mahu mengemukakan masaalah ini, ini lain kali-lah. Sedangkan yang ada ini pun, Tuan Yang di-Pertua, berapa kali kita bermesuarat yang nombor 8 naik nombor 1 yang nombor 1 kebawah

Mr. Speaker: Order, order! Itu sudah meleret.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): itu sebab tidak saya kemukakan masaalah ini, dan tidak hendak saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta ahli² dewan ini supaya jangan buat seperti ahli Yang Berhormat dari Langat mengatakan "saya fikir tidak haram". Saya minta ta' usah-lah main fikir² perkara masaalah ugama ini jahanam kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pada akhir-nya satu sahaja yang saya hendak sebutkan di-dalam masaalah ini. Keyakinan kami tetap-lah mengatakan loteri ini haram dan oleh sebab² haram-nya itu kami menyatakan-nya di-sini ia-itu mudzarat-nya lebih besar. Benar ta'nampak, mudzarat-nya Tuan Yang di-Pertua, dosa sa-orang Islam yang Mushrik itu tetapi dari segi ugama Islam kita itu-lah yang paling besar sa-kali dosa-nya dan tidak dapat di-ma'afkan sama sa-kali. Jadi oleh kerana itu kami tidak mahu beberapa banyak orang Islam pergi ka-berhala², pergi ka-kubor², pergi ka-bawah pokok² kayu yang besar, pergi ka-sami² dan pergi ka-to'kong², oleh kerana kami memandang bahawa

kerja² yang di-timbulkan daripada-nya akan menimbulkan mudzarat yang lebih besar. Ada iktiar yang lebih baik untuk memperbaiki nasib ra'ayat yang melarat dan buta dalam negeri ini di-dalam bahagian kebajikan mashar-rakat. Kebajikan mashararakat yang hendak kita berikan kapada ra'ayat ini ada-lah tanggongan Kerajaan. Kalau kita memberi peruntukan wang yang berjuta² kapada Kementerian² dalam soal Tali-ayer, mithalnya, soal P.W.D., soal Luar Negeri, soal memperbaiki negeri dan kedudukan ra'ayat negeri ini, maka tidak-lah rasa saya 'adil, kalau orang² miskin, orang² buta, orang² sakit T.B., sekolah ugama, sekolah ra'ayat, masjid² itu di-beri bantuan dari wang penghasilan judi. Saya tidak nampak sebab² Kerajaan ta' boleh bertanggong jawab kapada semua gulongan mashararakat dan semua gulongan ra'ayat sama ada ra'ayat itu miskin atau kaya, sama ada ra'ayat itu di-sini atau di-sana kerana mereka ini ada-lah ra'ayat Persekutuan. Ada pun masaalah nasib-nya mesti ju di-bela dengan di-ambil daripada poket orang lain untuk di-berikan kapadanya, ini hanya sa-bagai satu topeng sahaja dan ini tidak-lah elok pada pandangan dan pendapat kita. Jadi bagi memperbaiki nasib ra'ayat yang chachat, yang buta, yang pekak, yang miskin ini ada-lah satu kewajipan Kerajaan yang mesti di-selenggarakan dan mustahak pula di-sediakan wang untuk mereka itu. Maka oleh hal yang demikian kami tetap-lah dengan pen-dirian kami walau pun ada orang yang akan berkata di-belakang menchercha kami namun kami yakin dengan pen-dirian ini ia-itu menentang loteri ini di-lanjutkan dan patut-lah Kerajaan ini merentikan-nya bagi keselamatan kita pada masa yang akan datang.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Speaker, Sir, the motion before us asks for an extension of five years for the Social and Welfare Lotteries Board to enable it to carry on the very good work that has been done for the people of this country in the past many years. Honourable Members of the Opposition, the Pan-Malayan Islamic Party, have been raising objections on religious grounds. Sir, I do not know

and cannot say whether the arguments put forward are correct, but I must say that the number of applications that do come to the Social and Welfare Lotteries Board are mainly from people living in rural areas and in kampongs, and I cannot think for a moment that these people who do apply for relief can be un-Islamic.

Sir, I had the honour of serving as a Member of the Social and Welfare Lotteries Board for a few months and I had known the cases that came for relief to the Board. Each application was very carefully considered and then grants given. A number of applications for schools in Kelantan and Trengganu were approved and these schools are still running; though the money came from the Social and Welfare Lotteries Board, the Government of the P.M.I.P. has not closed these schools. Members of the P.M.I.P. have not refused to send their children to these schools in spite of the fact that the money came from the Social and Welfare Lotteries Board. There are lots of mosques built not only in Trengganu and Kelantan but also in other parts of the country, and we see people praying and attending services in these places. Does the P.M.I.P. suggest that these people who go to these places are un-Islamic?

Sir, mention was made about Hindus. I must say, Sir, that the Social and Welfare Lotteries Board was very good enough to give assistance to some Hindu institutions too and they received the grants with great thanks—the Maha Mariamman Temple has just put up a hostel in Kuala Lumpur and they had a grant of about \$53,000; the Rama-krishna Mission in Penang had a grant of about \$100,000; and there were many other institutions which received grants from the Social and Welfare Lotteries Board. Similarly, there were Chinese institutions, maternity hospitals, old folks homes, which received grants; there were many *madrasahs* not only in my constituency but also in the constituencies from which the Honourable Members of this House come, that received grants.

Sir, this Resolution before us asks for the extension of the good work that we had been doing and I do not see

why we should bring in religious and other sentiments into this. Do the Honourable Members of the Pan-Malayan Islamic Party say that we should stop assisting tubercular cases, stop giving help to the under-privileged, and not to give assistance for social welfare work? I think that they are trying to be very unrealistic, when they say that this is the responsibility of the Government and "Let us keep quiet."

Sir, the Honourable the Minister of Justice has pointed out that some people may buy \$1 and some may, like the Honourable Member for Sepang, buy \$10 worth of tickets; but they buy these of their own will, and out of the total proceeds from the sale of tickets only a percentage of the pool is given out as prizes and the rest goes to good causes. So, Sir, I wish again to ask the Honourable Members of the P.M.I.P. not to bring religious sentiments into this but to support the motion.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita membahathkan chadangan untuk melanjutkan-nya perjalanan Loteri Kebajikan Masharakat ini, berbagai² hujah daripada kedua² belah pehak telah-lah sama kita ikuti dan saya sekarang sendiri menyokong supaya chadangan ini di-luluskan dan dapat-lah Lotteries Board ini atau pun Loteri Kebajikan Masharakat ini berjalan sa-hingga 5 tahun lagi pada masa akan datang. Saya tidak mahu berchakap atau hujah dari segi ugama tetapi saya berchakap sekarang mengalui²kan perjalanan loteri ini dalam masa 5 tahun lagi kerana memandang atas kerja² dan usaha² yang dapat ditimbulkan banyak kebajikan daripada ke'aiban oleh Lembaga Loteri ini. Dalam pemberian² bantuan yang dilakuakn daripada Lembaga Loteri ini bukan sahaja membantu masjid², surau² tetapi juga membolehkan Jawatan Kuasa ini memberikan wangnya kerana membuat padang² permainan, padang² bola, membuat rumah² untuk bermeshuarat dalam kampong² oleh kesatuuan² yang tidak berbau politik. Jadi, saya rasa perkara ini kalau dapat kerja baik dari Lembaga ini dalam jangka 5 tahun yang akan datang harus-lah banyak masharakat kita atau

di-kampong² kita memperolehi kemajuan² ini dan mudah-lah kita membimbing ra'ayat negeri ini sampai dapat kemajuan menerusi saloran² atau jalan² untuk mendidekan ra'ayat dari pada segi kesihatan atau segi fikiran daripada bertukar² fikiran benda² yang kita salorkan tadi.

Dalam hal kita membina negara, saya rasa, kalau hendak timbulkan hal² dari sa-saorang dalam jangka yang kita memikirkan hal negara tentu-lah tidak kena ada tempat dan sa'at-nya. Kerana walau bagaimana pun menepok dada yang saya sekarang sa-orang Islam menganut ideology Islam tetap ada di-antara manusia² Islam yang berkata, Islam tetapi melakukan perkara yang di-keji oleh ugama pada diri-nya itu pun belum dapat di-tolak tetapi kenapa mahu menolak dalam hal² yang kita fikirkan banyak munafaat-nya kepada masharifik. Dalam masa kita hendak membina ini bukan-lah bagi pehak Kerajaan tidak nampak untuk menguntukan wang bagi memberi orang² miskin mithal-nya, atau mendirikan madrasah atau sekolah ra'ayat sa-bagaimana kita dengar hujah² daripada pehak pembangkang tadi, kita patutlah faham daripada segala ikhtiar bagi Kerajaan kita sekarang; baharu sahaja kita mengesahkan budget pada tahun yang lalu Kerajaan Persekutuan maseh lagi berkehendakkan wang, maseh lagi berkehendakkan serba-serbi. Kadang² kita terpaksa meminjam daripada luar negeri kerana usaha² kita belum lagi melangsung atau pun atas tujuan yang baik hendak menjayakan kebajikan kapada ra'ayat. Jadi, ini salah satu benda yang sudah ada bukan-lah chuma hari ini kita mengadakan loteri tetapi Lotteries Board ini sudah berjalan bertahun² yang kita sekarang hanya hendak memanjangkan masa-nya lagi 5 tahun sahaja dan bukan-lah ini menjadi soal yang kita katakan berbeda sangat di-antara dahulu dan sekarang.

Dalam hal negara, saya tidak mahu menyentoh satu kebaikan atau pun keburukan negara lain tetapi untuk perbandingan kecil dengan fikiran saya yang tidak tinggi dan dalam pengajian saya, umpama-nya; Pakistan dia kenal anjing itu haram dan dia tahu memilihara anjing pun salah tetapi negara Pakistan boleh mengeluarkan;

ini saya minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan. Jadi benda² yang sa-bagitu di-buat oleh negara dengan tujuan baik dan saya rasa boleh-lah negara ini berbuat bukan-lah diri kita berbuat bagitu. Jadi dalam hal ini kita harap mari-lah kita berbalek kapangkal jalan ia-itu membenarkan Lotteries Board ini berjalan lagi dalam jangka-nya 5 tahun dan sakira-nya pembinaan kampong², pembinaan ra'ayat yang miskin dapat kita atasi dari satu masa yang di-jangkakan itu saya rasa kita boleh-lah menyempurnakan keadaan negeri kita dalam chadangan yang lebih baik untuk mendatangkan wang.

Dalam hal ini saya rasa kampong² terutama sakali orang² miskin walau pun kita faham banyak orang² kampong—penduduk² orang Islam telah mengetahui bahawa sedekah itu besar pahala-nya dan sedekah itu banyak hasiat-nya tetapi jarang kita jumpa orang kaya yang mahu memelihara tiga empat orang anak yatim atau orang tua yang tidak berdaya lagi. Kita boleh berchakap sahaja dalam hal masaalah membuat kebajikan dalam hal masaalah membuat pahala² yang kita rasa itu memang-lah satu fa'edah yang kita dapat betul². Tetapi dalam masaalah melaksanakan perkara² ini kita memelihara nasib orang yang kudong tangan-nya nampak pejabat itu atau Lembaga ini dapat mengatasi usaha² itu kerana kita tahu masharifik kita di-kampong² belum-lah tinggi standard atau darjah-nya yang boleh kita fikirkan dalam hal kita boleh keluarkan bantuan² atau yang terus menerus dengan keadaan yang direct yang bagitu. Maka dengan itu-lah saya rasa dengan memandangkan hal ini di-chantumkan soal masharifik dengan soal negara. Saya ada-lah menyokong supaya Undang² chadangan ini di-luluskan untuk membolehkan kita membina negara kita.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharifik. Sebab-nya saya berdiri di-sini ia-lah sa-bagai wakil ra'ayat yang mewakili bukan sahaja UMNO, MCA dan MIC tetapi juga PAS, Socialist Front dan berbagai²

parti lagi. Dalam kawasan saya baharu² ini ia-itu pada bulan ini sahaja, saya telah mendapat bantuan 15 ribu ringgit untuk dua buah sekolah ugama dan sa-buah masjid. Sekolah ugama itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah sekolah ugama yang di-punyai oleh ahli² UMNO, tetapi juga ahli² Jawatan-Kuasa yang telah menanda tangan dalam borang permintaan pada Social Welfare ada-lah terdiri dari orang² kuat Parti Islam sa-Tanah Melayu. (*Tepok*).

Saya tahu oleh sebab segala permintaan itu melalui saya kerana saya yang menolong membuatnya. Di-sini nampak-nya ada-lah sa-bagai kata perumpamaan Melayu: "Kokok berderai²—ekor bergelumangan tahi"; kerana di-sini kita nampak Ahli² Yang Berhormat dari Parti PAS yang mewakili 13 orang parti-nya ada-lah sa-bagai jagoh memperjuangkan dan mempertahankan ideology Islam, tetapi, tidak pula Ahli² Yang Berhormat itu bertanggong-jawab kapada ahli²-nya atau pengikut²-nya di-belakang. Kenapa tidak ada satu siaran, atau pun surat keliling kapada tiap² sa-orang ahli Parti Islam sa-Tanah Melayu supaya jangan sekali² menerima wang bantuan loteri ini, atau pun jika sakira-nya sekolah² yang mendapat bantuan itu ada guru², guru² dari Ahli PAS yang betul² berpegang ideology Islam;— hendak-lah keluar sekolah itu jangan mengajar kerana mendapat bantuan loteri itu.

Kita tahu sa-benar-nya tiap² satu parti atau tiap² satu pertubuhan, persatuan ada dasar ideology-nya. Ideology Islam ada-lah satu ideology yang baik. Saya berdiri di-sini sa-bagai sa-orang Melayu dan Islam, dan saya menjunjong tinggi apa juga persatuan terutama sa-bagai Persatuan Islam ini untuk mengembangkan ugama. Saya biasa juga berjanji di-mana saya telah melawat, bukan untuk membuat campaign, ia-itu saya sedia menjadi sa-orang ahli Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dan berani membayar \$5 sa-bulan ia-itu sa-tahun \$60, tetapi bagi ahli UMNO ha-nya \$2.50—kalau-lah sakira-nya ahli² Persatuan Islam sa-Tanah Melayu ini betul² hendak memperjuangkan untuk mengembangkan ugama Islam dengan chara²-nya yang benar. Jika sakira-nya Ahli² Yang Berhormat itu

ta' tahu sedia-lah berjumpa dengan saya, dan saya suka hendak memberi tahu bagaimana-kah hendak mengembangkan Islam. (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu hendak menge luarkan ayat² suchi di-sini kerana saya tak ada berpengalaman yang sa-bagitu tinggi; chuba kita lihat badan² missionary, atau pun badan² christian saperti budha dan lain² maka kita biasa berjumpa di-station² kereta api, perhentian² bas, di-mana kanak² atau pemuda² membawa risalah², atau pun buku² yang mengenai ugama christian, catholic, protestant dan lain² lagi. Risalah² itu besar-nya saperti Standing Order kita ini, dan mengandungi berbagai² bahasa saperti bahasa Melayu, China, Indian dan lain² lagi guna untuk mengembangkan ugama itu dengan perchuma dan di-sibarkan kepada serata penduduk Tanah Melayu.

Mr. Speaker: Perkara in tak berkaitan dengan perkara yang berbangkit terhadap usul di-Majlis ini.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sepatut-nya supaya perkara ini di-di-faham baik². Ahli² Yang Berhormat dari pehak pembangkang mesti kaji dengan sa-baik²-nya di atas kebaikan Social Welfare Lotery Kebajikan ini. Kebajikan-nya sangat banyak yang saya tahu, kerana penduduk² di-tempat saya sa-lain daripada 15 ribu ringgit bantuan yang telah di-dapat pada awal bulan ini ia-itu bulan enam, maka ada juga sa-buah sekolah ugama yang telah mendapat bantuan lebih daripada 100 ribu ringgit daripada Social Welfare. Oleh itu, jangan-lah kita dalam Dewan ini hanya pandai bertegang sa-bagai singa dan sa-bagai-nya, tetapi apa yang kita katakan kita tak buat. Sa-bagaimana kata pepatah bahasa Inggeris: "Do as I tell you to do, but don't do as what I do", bagitu-lah keadaan pendirian Persatuan Islam sa-Tanah Melayu.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini untuk menyambongkan apa yang dibahathkan terhadap Bill ini, tetapi saya hendak menyentoh dengan ikhlas-nya berhubung dengan soal loteri kebaikan masharakat Ahli² Persatuan Islam telah

pun menyangkut²kan daripada hukuman ugama dan bagitu juga ada beberapa orang Ahli daripada Kerajaan sendiri yang telah mengaitkan perkara itu kapada perhimpunan ramai. Saya hendak menyeru di-sini supaya dalam perkara ini—sa-kurang²-nya orang² Islam dalam negeri ini mendapat fahaman yang betul² atas perkara ini dan molek-lah kalau sakira-nya Kementerian yang bersangkutan ini sabelum mengemukakan Bill ini atau pun biar-lah sa-sudah usul ini di-luluskan oleh Dewan ini dapat berhubong dengan satu badan yang bertanggong-jawab dalam soal ini ia-itu satu Jawatan-Kuasa Tetap Ahli² Ugama Raja² Melayu supaya dapat meminta fatua yang sa-benar-nya daripada badan ini atau Jawatan-Kuasa Tetap Ahli² Ugama Raja² Melayu itu atas soal yang sa-benar-nya berkenaan dengan hukuman loteri kebajikan masharakat ini, dan juga berkenaan dengan hukuman yang sa-benar-nya mengenai perkara menggunakan wang yang telah terkumpul daripada pendapatan loteri kebajikan masharakat yang pada masa ini menjadi satu soal yang samar² pada kebanyakan orang² Islam dalam negeri ini.

Itu-lah yang saya hendak serukan walau pun perkara ini sa-patut-nya dibuat perhubongan sa-belum usul ini di-luluskan, tetapi sa-sudah di-luluskan pun Kementerian boleh berhubong dengan Dewan ini bagi faedah² orang ramai. Sa-benar-nya bangkangan dari Ahli² Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bukan-lah tidak patut di-kaitkan dengan soal ini sama ada Ahli² PAS ini ‘alim atau wara’, tetapi yang saya ada mendengar daripada Ahli Yang Berhormat wakil Langat mengatakan kalau haram, orang ‘alim dan wara’ itu ta’ boleh menjadi Ahli Majlis Meshuarat. Saya rasa pendapat yang semacham itu bukan-lah soal yang ada di-hadapan kita ini, sebab bukan sebab-nya fasal ‘alim yang dia itu menjadi Ahli Majlis Meshuarat dan sa-bagaimana yang kita ketahuï bahawa Yang Berhormat Menteri Muda Penerangan itu pun ada-lah sa-orang yang ‘alim. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah pun menerangkan pada satu masa dahulu bahawa Enche’ Ghazali

Jawi yang pernah di-sifatkan oleh Menteri Luar Negeri itu sa-bagai sa-orang yang wara’ telah menjadi Duta. Jadi, itu-lah yang saya katakan bahawa soal ‘alim atau wara’ itu tidak kena pada tempatnya.

Enche’ Lim Joo Kong (Alor Star):
Mr. Speaker, Sir, although there are many philanthropists in this country who can donate money, time and work towards the interests of social welfare in this country, I am sure not all the people are as civic conscious as the P.M.I.P. thinks. I say this because there can never be so many contributors towards worthy social welfare causes of our country, had there not been for the Social Welfare Lottery tickets. Now, all the people of this country are given their chance to do so either consciously or unconsciously. Although there could be some demerits in this method, I can see that it can by no means be compared with the ill effects of lotteries on race horse tickets, which only benefit the few at the expense of the many. Therefore, I consider the merits of our Social Welfare Lotteries are very much more than their demerits.

If the P.M.I.P. opposes this motion on religious grounds or just for sentimental reasons, then I would like to take this opportunity to inform the House that the licence fee for liquor alone in Kedah amounts to one-eighth of the total revenue. Now, strictly speaking, if liquor has to be barred in accordance with the teachings of Islam, then that would mean that Kedah would be deprived of one-eighth of its total revenue and will have to collect or tax the people from some other sources instead. Would it not be better to allow those who can afford to spend and who like to have just a little stimulant, by enjoying a few pegs, to contribute their excess money to help the poor and the needy? Likewise, would it not be wise to allow people to pay generously in a manner which hurts nobody and to run this Social Welfare Lottery to help those in dire straits and in great need—let alone the question of the prizes which everyone expects to get? I am sure even the P.M.I.P. Members themselves do expect a prize,

as has been pointed out by some Members here.

In reply to the Honourable Member for Tanah Merah, I wish to bring to the information of this House that the "padi kuncha" system he mentioned is also practised by members of the P.M.I.P., because their religion prohibits them to accept interest; therefore, to pay \$50 and except a "kuncha" of padi in return is no sin at all. (*Laughter*).

Sir, I support very strongly the motion moved by the Honourable Minister of Health and Social Welfare to continue this Social Welfare Lotteries for another five years.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Loteri Kebajikan Masharakat ini supaya di-lanjutkan sa-hingga akhir tahun 1965. Saya tidak hendak memberi alasan² atau hendak menjawab soalan² yang di-kemukakan oleh pehak pembangkang, saya hanya hendak menambah alasan² sebab mustahak-nya loteri ini di-lanjutkan. Sa-belum daripada itu gemar juga saya mengemukakan pengakuan bahawa loteri ini ada-lah sa-jenis daripada judi dan judi ini ada-lah haram di-sisi Islam; ini saya akui. Tuan Yang di-Pertua, loteri ini ada-lah satu permainan yang di-sukai oleh manusia dari semenjak beribu² tahun yang lalu dan mereka membuat peratoran judi ini menurut zaman itu. Sa-bagaimana yang kita telah dengar baharu² ini judi ini termasuk judi tikam ekor dan juga loteri kebijikan ini. Dalam hal ini mereka memain judi ada-lah dengan dua tujuan; pertama-nya, hendak senang dan mewah dengan sa-berapa segera dan yang kedua-nya, mereka tidak memandang kesenangan tetapi main² sahaja. Sebab itu judi ini di-sisi manusia menjadi satu kerosakan pada masharakat dan melalaikan manusia itu daripada membuat pekerjaan sa-hari². Dengan sebab itu telah ber-muafakat-lah segala ugama meng-haramkan judi itu dan Kerajaan juga mengharamkan judi dan meluluskan pada tempat² yang tertentu. Saya memandang loteri ini ada-lah satu permainan judi yang lembut, kerana tidak menerbitkan penchuri, perompak

dan lain², dan tidak pula dengan membeli tiket loteri ini melalaikan orang yang hendak bekerja. Yang kedua-nya, boleh mengurangkan judi di-masharakat kita, terutama sa-kali sa-bagaimana yang saya dapat tahu di-pantai timor ia-itu negeri² Kelantan dan Trengganu pada masa yang telah lalu suka menyabong ayam, tetapi dengan ada-nya loteri ini mengurangkan masharakat ini main judi ber-sabong ayam.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak yang membeli tiket loteri ini sa-bilangan besar-nya ia-lah daripada orang² yang kaya, tidak-lah benar sa-bagaimana yang di-katakan ia-itu yang membeli loteri ini terdiri daripada orang² kampong. Saya dapat tahu yang menjadi pelanggan loteri ini ia-lah orang² yang kaya, mereka tamak dengan kekayaan, tetapi sa-bahagian daripada duit itu di-keluarkan untuk fa'edah ra'ayat sa-umum-nya. Sa-lain daripada itu, gemar saya menarek perhatian ia-itu loteri ini di-beli oleh ra'ayat Tanah Melayu ini yang sa-bilangan besar-nya tidak berugama Islam, dan sa-bilangan kecil-nya di-beli oleh orang Islam kerana mereka tahu bahawa loteri ini ada-lah haram di-sisi ugama. Jadi dengan itu tidak-lah benar bahawa yang loteri ini akan merosakkan masharakat di-kampong. Saya suka lagi memberi alasan sebab mustahak-nya loteri ini di-lanjutkan, sa-bagaimana yang di-chakapkan oleh beberapa orang rakan saya ia-itu negeri kita baharu lepas daripada chengkaman penjajah dari sejak 400 tahun yang lalu telah mengalami berbagai² kerosakan dan keburokan. Maka untuk membangunkan segala kerosakan dan hendak memberi ke-baikan itu, maka dengan ada-nya badan loteri kebijikan ini ada-lah memberi bantuan untuk membina negara kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan Perikatan akan melanchar dan menggalakkan satu usaha pembangunan luar bandar yang akan memakan masa sa-lama 5 tahun dengan tujuan hendak mengha-puskan kemiskinan dan kesangsaraan ra'ayat, ini tentu-lah menghendaki banyak wang tetapi dengan ada-nya

Lembaga Loteri Kebajikan ini dilanjutkan lagi sa-lama 5 tahun ada-lah memberi satu jalan, satu juzu' bantuan bagi merengangkan pembangunan itu. Saya memandang pembangunan luar bandar yang akan di-lancharkan oleh Kerajaan Perikatan ada-lah juga berhubung dengan bantuan yang akan di-beri oleh Lembaga Loteri Kebajikan ini.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, dengan berjalan-nya loteri kebajikan ini penduduk di-pantai timor telah banyak menggunakan bantuan yang tersebut, mereka meminta bantuan itu bagi faedah orang ramai sa-bagaimana yang saya dapat tahu daripada Jabatan Kebajikan Masharakat lebeh kurang 2,000 permohonan yang telah sampai kapada pejabat itu. Kalau lembaga ini di-berhentikan menurut shor pembangkang, maka tersekut dan terhalang-lah permohonan² yang dikehendaki oleh bukan sahaja orang pantai barat tetapi orang pantai timor juga. Jadi, apa² bangkangan yang dibawa oleh pehak pembangkang tidak-lah sesuai dengan kehendak orang pantai timor; beribu² orang yang menggantongkan nasib-nya kapada bantuan daripada loteri ini. Sa-kiranya loteri ini di-berhentikan, maka dimana-kah tempat mereka itu meminta bantuan? Dan bagi pehak yang membangkang ia-itu PAS tidak pula memberi dan mengemukakan satu chadangan yang orang² ini mereka akan menanggong-nya.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah alasan² yang dapat saya kemukakan supaya loteri ini di-lanjutkan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal ini saya membangkang kerana, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana hujah² yang di-berikan oleh rakan² saya dari pehak pembangkang dan juga bagaimana hujah² untuk mempertahankan chadangan ini yang telah di-hamborkan oleh ahli² Yang Berhormat dari pehak Kerajaan, maka di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kami memberikan alasan² mengikut pendapatan dan mengikut ideology parti kami. Bagitu juga saya merasa sangat dukachita sa-kali ada daripada beberapa orang ahli Yang Berhormat daripada

pehak Kerajaan yang saya tidak tahu nama kawasan-nya, mengait-ngaikan ini tidak kapada hujah² untuk mempertahankan supaya apa yang di-pertahankan itu dapat kekal dan supaya hujah yang kami berikan ini lemah dan tidak betul, hendak-lah dengan hantaman kapada itu sahaja dan jangan-lah menghantam kapada diri atau parti orang itu sa-hingga menimbulkan perasaan benchi membenci di-antara kita sama kita atau perasaan permusahan di-antara satu sama lain. Tuan Yang di-Pertua, saya maseh teringat—saya tidak lupa, ia-itu Yang Berhormat saudara saya daripada Utara Tengah . . . (SA-ORANG AHLI YANG BERHORMAT: Seberang Tengah.) . . . ia, Seberang Tengah, terima kaseh, mengatakan tadi bahawa wakil PAS Tanah Melayu di-sini 13 orang jagoh²-nya yang berderai² kokok-nya di-ibaratkan-nya kapada satu pepatah yang saya meneruskan pepatah ini di-belakang-nya sangat kotor sa-kali bunyi-nya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi beliau menyatakan bahawa beliau pada bulan ini ada juga menerima bantuan daripada duit loteri sa-banyak \$15,000 yang di-untokkan kapada madrasah dan kapada masjid, ada di-antara beberapa ahli Committee-nya yang me-nanda tangani form itu ahli Persatuan Islam Tanah Melayu kata-nya, dan kenapa maka mereka itu di-sana muhu membuat sa-chara bagitu sedangkan pemimpin²-nya, jagoh²-nya menentang di-sini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saudara saya Yang Berhormat itu barangkali lupa negara kita negara demokrasi. Kami di-sini 13 orang menyuarakan menentang tetapi apabila di-undi tetap kami kalah kerana saudara² ada lebeh berlipat ganda banyak-nya.

Mr. Speaker: Order! Order! No interruption, please!

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagitu juga saudara² ahli P.M.I.P. di-tempat kawasan Yang Berhormat itu barangkali suara-nya 2 atau 3 sahaja maka terpaksa-lah mengikut suara yang banyak untuk keselamatan di-dalam kawasan masing², jadi itu tidak-lah dapat di-salahkan kapada satu² pehak daripada

pemimpin² parti itu. Jadi saya berharap demi keselamatan dan kepentingan Dewan ini supaya kita antara satu dengan lain, perhubungan kita dan persahabatan kita tetap baik dan bahawasa-nya apa² hujah² itu jangan-lah mengenai diri dan jangan-lah di-hentamkan kepada parti supaya perhubungan dan keselamatan kita di-dalam Dewan ini selalu baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi juga saudara² saya daripada pehak Kerajaan mengatakan "Tungau di-seberang lautan nampak, gajah di-pelupok mata tidak nampak". Itu juga kerana di-dasarkan kepada saudara² Yang Berhormat itu ia-itu Kerajaan daripada Persatuan Islam Tanah Melayu ada dua ia-itu Trengganu dan Kelantan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya dengan pemungutan penjualan arak dan sa-bagai-nya ini puchok pimpinan-nya maseh terpegang dalam pemerintahan Federal. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, kami mengikut sa-chara demokrasi juga. Kami muahu menjalankan itu supaya Kerajaan yang dua ini dengan Kerajaan yang lain dapat bekerja sama, kita tidak muahu satu sama lain kerana yang sadikit itu kita akan bermusahan sa-hingga terjadi pecah belah dalam negara kita ini maka oleh sebab itu kami sentiasa menjaga dan memperbaiki keselamatan kita antara satu dengan lain, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kenapa maka saudara² Yang Berhormat itu di-sini selalu tidak lain hujah-nya, konon-nya itu-lah modal yang paling besar bagi saudara² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya menyatakan saudara² Yang Berhormat bangsa Melayu kerja saudara² ada-lah 'ibarat pepatah orang tua² "Tepok ayer di-dulang, terpercek ka-muka sendiri" saudara². Kami tidak menafikan akan kebaikan dan kejayaan² yang telah di-hasilkan oleh duit² loteri ini, tetapi sa-bagaimana yang Berhormat² rakan saya sa-belah sana mengakui juga bahawa loteri ini judi dan judi ini haram, tidak di-nafikan. Itu kami mengemukakan-nya, chuma kalau dapat apa yang kami fikirkan ini di-pakai alang-kah baik-nya dapat kita bersatu; tetapi payah-lah kalau main hentam keromo sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang

di-Pertua, harapan saya sa-bagai sa-orang ibu yang sentiasa ingin untuk perdamaian minta-lah supaya dari pehak saudara² Yang Berhormat yang telah terdorong itu supaya pada masa yang akan datang demi keselamatan dan demi kebaikan perhubungan kita di-antara satu dengan lain di-Dewan ini, singkirkan-lah kata² yang mempunyai perasaan rachun bagi menjauhkan kita antara satu dengan lain. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Chan Yoon Onn (Kampar): Mr. Speaker, Sir, with due respect to the Islamic religion, it seems to me that in this debate on the motion before the House, more discussion has taken place on the Islamic religion than on other matters. In my opinion, politics, religion and lotteries are entirely different matters.

Sir, as a Member of the Opposition, I hate to play with the Government, but in this case I support the motion that the Social and Welfare Lotteries Board Ordinance be extended for a further period of five years, because of the good social welfare work done for the people. I hope that the distribution or allocation of funds will be properly carried out in the interest of the people.

As regards the suggestion of my Honourable friend, the Member for Seremban Timor, that is for the public to get lottery tickets direct from the Board, I support him and I hope there will be a provision for this.

Finally, I do hope that an assurance will be given by the Honourable Minister concerned that the funds will be utilised properly for the handicapped and not under the disguise of any political motives. I strongly support the motion. (*Applause*).

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SOCIAL AND WELFARE SERVICES LOTTERIES BOARD ORDINANCE, 1950

Extension

Debate resumed.

Question again proposed.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ada-lah menyokong atas usul yang di-bawa oleh Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat untuk memanjangkan perjalanan loteri ini sa-lama 5 tahun. Atas jasa²-nya yang telah di-jalankan sa-lama ini maka telah banyak-lah kita mendengar-nya daripada Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini. Saya beruchap dalam hal ini saya tidak-lah membawa kapada sentiment atau perbahathan berkenaan dengan ugama tetapi dalam perbinchangan kita hari ini maka di atas satu soal hendak meletakkan, ada-kah loteri ini termasuk dalam yang di-katakan judi. Sa-panjang yang saya tahu dan saya telah membacanya dalam surat² khabar maka loteri kebajikan kita ini banyak bertelagah fahaman dalam hal hendak mengatakan loteri itu ada-kah satu daripada judi. Sa-bagaimana kata saya tadi, kita tidak bawa perkara ini dalam segi ugama maka sa-wajib-nya-lah yang Lotteries Board ini di-panjangkan umor-nya untuk memajukan lagi bagi kebajikan² yang akan kita jalankan sa-lama 5 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut aliran perbahathan kita yang di-bawa oleh ketua daripada P.M.I.P. ia-itu loteri ini di-sifatkan sa-bagai satu daripada bahagian judi. Jikalau-lah kita bawakan perkara ini dengan alasan yang bagini, maka dalam segi ugama kita ada beberapa Undang² untuk pengetahuan umum terutama sakali orang² Islam, ia-itu yang haram yang tidak baik dan yang halal mendapat pahala yang baik. Bila kita membawa pada segi Undang² yang haram maka kita timbangkan ada-kah Undang² itu, mengikut aliran zaman memberi faedah yang besar yang kita nampak. Dan bagitu juga Undang² yang baik-nya. Saya membawa dua chontoh, satu chontoh sa-bagaimana yang ditafsirkan oleh wakil daripada Besut ia-itu mentafsirkan haram berkenaan dengan loteri. Tetapi ada satu lagi Undang² yang baik ia-itu Undang² kawin 4 yang ada dalam ugama kita. Kita membawa dua Undang² ini satu Undang² yang haram jika kita pakai tafsir yang Berhormat tadi tetapi

fa'edah-nya yang kita dapati, yang kita tengok sudah jelas apa yang di-terangkan pada hari ini. Satu Undang² yang baik ia-itu perkara kawin 4, kita perhatikan akibat² yang di-alami daripada Undang² ini di-mana sudah terang betapa burok-nya yang ada di-Tanah Melayu pada masa ini. Jadi, timbangan saya dari segi chontoh² yang saya sebutkan ini maka sunggoh pun Undang² tidak ada menghalalkan loteri ini tetapi memandangkan kebajikan² yang telah dapat daripada itu maka saya rasa tidak-lah salah-nya kita menjalankan lagi.

Satu lagi perkara yang telah di-bawa oleh wakil daripada Bachok yang mengatakan, hal 'akibat daripada loteri ini mengekorkan satu perjudian lagi yang bernama tikam ekor telah menceritakan kejadian² dalam sa-buah Hospital di-mana tempat beliau sedang di-rawat. Tetapi saya telah melawat dan pun ada pengalaman² di-mana dalam negeri saya seluroh negeri Pahang, tidak ada kejadian² sa-macham itu, tetapi jangan-lah pula; dengan sebab satu kejadian yang kecil daripada Kuala Kangsar itu kita hendak sifatkan perkara ini umum—seluroh Persekutuan Tanah Melayu.

Berkenaan dengan judi, Tuan Yang di-Pertua, dengan apa chara pun kalau siapa² hendak berjudi walau pun tidak ada lottery Board ini, boleh dia mengerjakan judi. Maka pekerjaan judi ada-lah terpulang kapada tiap² orang yang suka hendak membuat perkara yang haram. Masing² menggunakan fikiran dan menjalankan sa-suatu itu maka itu terpulang-lah kapada masing². Penyudah-nya, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya rasa tidak puas hati lagi kalau ta' dapat saya dengar saorang daripada Pengasas Lotteries Board ia-itu Yang Berhormat Dato' Onn wakil daripada Kuala Trengganu Selatan memberi pandangan-nya dalam hal ini.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Speaker, saya bangun mengambil kesempatan untuk menyokong usul yang telah di-kemukakan dalam Parlimen ini oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masharakat. Tuan Speaker, di-bandar Ipoh sana ada sa-buah kampong bernama "Kampong

Jawa". Kampong itu ada-lah satu masaalah yang besar di-hadapi oleh Kerajaan Perak pada masa dahulu, kerana pada petang hari penoh dengan perempuan² yang rendah akhlak, dan runsing Kerajaan memikirkan-nya. Mereka itu berchakap loghat Kelantan dan Trengganu. Barangkali tuan² akan bertanya saya ada-kah saya pergi di-sana? Sa-benar-nya saya dengar mereka berchakap bagitu dan pada pilehan raya yang lalu mereka sokong Parti PAS yang lain saya tak tahu. Dan dengan ada-nya Loteri Kebajikan Masharakat ini serta dengan kemurahan board ini kita telah dapat membeli sa-buah rumah yang chantek di-Gopeng Road dan di-khaskan untuk perempuan yang semacham itu di-sana, dan dengan itu telah meringankan Kerajaan Perak dalam perkara ini.

Di-tempat itu ada di-ajar bermacham² pekerjaan tangan untuk perempuan² itu bagi melengkapkan diri mereka itu dengan bermacham² pekerjaan supaya pada satu hari kelak mereka dapat ber-champor gaul dengan kita semua. Bagitu-lah besar-nya fa'edah Loteri Kebajikan Masharakat. Kalau sakiranya kita hendak memungut wang dengan chara list derma, daripada dermawan, dari 'alim 'ulama yang besar² itu—kalau untuk berchakap boleh, tetapi hendak menghulor wang susah. Dengan jalan loteri ini kita dapat dengan senang bagi membantu terutama sekali kapada perempuan² yang rendah akhlak tadi.

Barangkali rakan saya daripada pehak PMIP tak chukop faham berkenaan dengan loteri ini atau pun judi ini. Judi ada terbahagi kepada bermacham² perkara. Yang dahshat sekali judi tikam ekor, kerana ini yang meruntuhkan negara, dan bagi Ahli² PMIP kalau ada jalan yang terator untuk memperbaiki di atas soal ini, kita minta chadangan-nya yang saksama supaya dapat kita hapuskan judi tikam ekor itu. Berkenaan dengan Loteri Kebajikan Masharakat, Tuan Speaker, sunggoh benar di-anjorkan oleh Kerajaan untuk faedah negara ini—negara yang maju jaya seperti Australia itu pun loteri ini di-jalankan demikian juga, di-England pun loteri ini ada. Saya belum pergi ka-England, tetapi

ka-Australia sudah. Saya hendak menyatakan di-sini bahawa negara yang maju dari kita memang menggalakan loteri sabagai ini. Jangan salah faham dalam soal masharakat ini terutama sekali satelah kita mencapai kemerdekaan kita telah tertinggal kebelakang. Kebajikan masharakat dengan orang ramai sangat jauh tertinggal kebelakang, kerana pejabat ini ada-lah satu pejabat yang baharu di-tubohkan sa-belom merdeka. Soal kebajikan orang ramai pada masa negara ini dipertahankan oleh Colonial Government dahulu langsung barangkali tak ada. Jadi dengan ada-nya bantuan yang tertentu, saloran yang tertentu yang datang-nya daripada board loteri kebajikan masharakat yang memberi fa'edah besar kapada orang² yang miskin, yang susah, yang menderita dan sa-bagai-nya.

Tuan Speaker, ada rakan saya berchakap berkenaan dengan laga ayam—itu pun judi. Laga kerbau, laga lembu, laga orang, laga ikan (*Ketawa*) semuanya ini judi. (*Ketawa*). Jadi Kerajaan yang bertanggong jawab termasok Kerajaan PAS di-Kelantan dan Trengganu tidak pula mengharamkan judi² yang sedemikian itu. Ada-lah sangat ganjal bahawa PAS menentang hebat usul ini sahaja. Saya tak suka berchakap panjang, kerana rakan² saya telah menghuraikan dengan panjang lebar yang mana itu sangat patut dan baik, tetapi saya minta kapada sahabat² saya daripada Parti PMIP yang merentah Kerajaan Negeri Kelantan dan Trengganu supaya Kerajaan baharu itu jangan bermuka dua di-atas soalan ini.

Dahulu ada tuduhan² yang mengatakan di-merata² perjumpaan timbol jualan loteri ia-itu di-mana² sahaja ada orang ramai, ada tempat² perempuan menjual tekot loteri di-kedai kopi, di-jalan raya, di-tepi pasar dan berbagai² lagi, dan ada tuduhan yang mengatakan merendahkan akhlak perempuan yang menjual tekot loteri itu. Kalau di-tanya saya, Tuan Speaker, ini betol—kerana saya telah di-beri rahsia oleh kawan² saya ia-itu kalau hendak membeli tekot loteri dengan niat hendak menang harap beli-lah pada tempat perempuan yang chantek itu; itu ada harapan baik.

Mr. Speaker: Itu tak ada kena mengena dengan masaalah ini—irrelevant.

Enche' Tajudin bin Ali: Kalau tak boleh saya tarek balek!

Mr. Speaker: Please proceed!

Enche' Tajudin bin Ali: Terima kaseh. Jadi, kalau tak mahu beli disitu boleh beli di-mana ada agent² Kerajaan. Berkennaan dengan membuat masjid, madrasah, sekolah untuk kebajikan masharakat dan lain², Tuan Speaker, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri, telah menyatakan bahawa terima-lah bahagian daripada bantuan loteri kebajikan masharakat ini, dosa-nya kalau ada dia tanggong. Saya rasa, Tuan Speaker, itu berat sangat, biar dosa itu Perikatan tanggong, (*Ketawa*) semua sekali—kalau ada kita terima.

Mr. Speaker: Dosa dan tanggongan itu tinggalkan!

Enche' Tajudin bin Ali: Saya hendak sambong sedikit lagi

Mr. Speaker: Yang lain boleh.

Enche' Tajudin bin Ali: . . . banyak lagi kita berikan bantuan kapada PMIP, dosa-nya kita berikan pada Perikatan. Pada pendapat saya yang singkat loteri ini sa-benar²-nya memberi kebaikan dan faedah yang besar terutama sekali kapada negara kita yang baharu mendapat taraf kemerdekaan di-mana kita banyak sangat persen-nya orang² miskin dan terlampaui banyak pula di-sini orang² yang dahulu-nya tak dapat mengechap bahagia, akan dapat pertolongan sekian² daripada loteri kebajikan masharakat. Oleh itu, saya mengambil kesempatan dalam Parlimen ini untuk menyokong dengan kuat-nya terhadap usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat. Sebab-nya saya menyokong usul ini ia-itu supaya loteri ini di-lanjutkan 5 tahun lagi ia-lah

kerana saya dapat sa-lama loteri ini di-ada dan di-jalankan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini banyak bantuan² yang telah di-keluarkan dari-pada wang loteri ini di-beri kapada pendudok² negeri ini seperti menolong orang sakit, menolong mendirikan madrasah dan mendirikan sekolah² ugama. Pada pendapat saya, mengikut ayat loteri itu ia-lah "Loteri Kebajikan Masharakat" bukan-nya "Loteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu" jadi, dari ayat tersebut itu patut sangatlah bagi kita pendudok negeri ini menyokong dan menerima chadangan ini dengan hati yang gembira.

Dato' Yang di-Pertua, daripada sa-malam hingga hari ini perkara ini telah menjadi satu perbahathan yang kalau tidak hebat, hangat juga, kerana sa-tengah² Ahli Yang Berhormat menentang supaya loteri ini di-lanjutkan dan ada pula yang menyokong. Tentangan dan bantahan² yang di-datangkan oleh sahabat² saya daripada PAS itu alasan²-nya berdasar dan berpandukan dari segi ugama. Saya suka mem-beri fikiran saya dalam perkara ini ia-itu jika sa-kira-nya kita mengambil dari segi ugama, sudah tentu tiap² orang Islam tidak akan mengatakan loteri ini halal, tetapi mereka akan mengatakan loteri saperti judi dan haram. Tetapi kita mesti ingat dan saya fikir sahabat² saya daripada PAS juga akan bersetuju dengan saya ia-itu hukum ugama Islam bukan-nya sempit. Jika kita hendak mengambil tertib-nya barangkali kita tidak boleh bergerak keluar berjalan². Saya memberi satu chontoh ia-itu tiap² sa-orang Islam, ta' usahkan menjamah atau menjabat tuboh sa-saorang perem-puan yang muhrim kita bahkan menentang muka salah pada hukum Islam (*Ketawa*) jadi pada pendapat saya sung-goh pun loteri ini di-katakan haram dalam ugama Islam, tetapi ada ke-baikan-nya; itu sebab-nya saya menyokong chadangan ini. Saya suka me-nerangkan dalam Majlis ini ia-itu saya ada mendengar tok² guru berkata: dalam zaman Rasullullah berperang, apabila masok dalam sa-sabuah negeri, ia memerentahkan askar² Islam merampas makanan musoh² yang ada dalam negeri itu. Jadi kalau kita fikirkan tentu-lah tidak patut menyuroh askar Islam merampas makanan musoh²

yang ada dalam negeri itu, tetapi sa-bagaimana yang saya katakan ia-itu hukum ugama Islam ini luas; jika sa-kira-nya tidak di-rampas makanan itu barangkali askar² Islam akan mati ke-buloran, tiap² kita di-sini yang ber-pandukan kapada ugama Islam hendak-lah menjaga diri dan keselamatan. Berkenaan dengan loteri ini pada pen-dapat saya ada kebajikan-nya, bukan sahaja kapada orang yang miskin bahkan membantu kapada sekolah² ugama yang di-beri oleh Loteri Ke-bajikan Masharifikat ini.

Saya suka hendak menerangkan sadikit ia-itu di-tempat saya ada sa-buah sekolah 'Arab yang bernama Al-ahyatul-sharif, Gunong Semanggol, telah mendapat \$250,000 daripada Lembaga Loteri ini. Di-sini saya berasa hairan ia-itu Nazir sekolah itu tentu-lah tahu selok-belok hukum Islam, jika sa-kira-nya wang loteri ini haram, tentu sa-kali tidak akan di-terima oleh Nazir sekolah itu. Saya suka memberi ingat sahabat² saya berkenaan dengan loteri ini ia-itu 'alim 'ulama kita yang ada dalam Tanah Melayu ini pun tidak berani hendak menentukan sama ada loteri ini saperti judi, haram atau tidak, belum lagi mendapat keputusan.

Saya tidak hendak berchakap pan-jang dalam perkara ini. Saya menyokong dengan kuat usul yang di-kemuka-kan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharifikat supaya loteri ini di-lanjutkan lagi sa-lama 5 tahun untuk kebajikan masharifikat kita di-negeri ini.

Enche' Lim Kean Siew (Dato' Kramat): Mr. Speaker, Sir, I move that the question be now put. We have had a lot of debate.

Mr. Speaker: You must ask my per-mission first.

Enche' Lim Kean Siew: With your permission, may I move that?

Mr. Speaker: I have not yet given my permission. Sit down!

Enche' Hamzah bin Alang (Kapar rises.)

Mr. Speaker: Dudok dahulu bila saya berchakap. Saya hendak bertanya. Berapa orang lagi yang hendak

berchakap di atas motion ini, tolong bangun siapa yang hendak berchakap (several Honourable Members rise).

Mr. Speaker (to Enche' Lim Kean Siew) Do not move now.

Enche' Hamzah bin Alang: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong . .

Mr. Speaker: Dudok sa-kejap. Saya hendak mengingatkan kapada Ahli² Yang Berhormat yang hendak ber-chakap. Jangan-lah mengulang hujah² yang sudah di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Tolong-lah chari hujah yang baharu dan berchakap sa-berapa pendek, kerana meeting ini sampai 4.30 petang sahaja.

Enche' Hamzah bin Alang: . . . per-kara baharu, Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul melanjutkan loteri ini, saya rasa ada tiga perkara baharu yang saya hendak chakapkan. Pertama, munafa'at-nya, yang kedua, mudzarat-nya dan yang ketiga kenyataan² (fact) yang dapat kita lihat dengan mata kita sendiri. Pada mudzarat-nya tentu-lah banyak yang di-datangkan oleh dari pehak PMIP mereka tentu-lah membangkang, kerana dasar parti-nya tidak sukakan loteri ini, tetapi pada menafa'at kata-nya, sadikit sahaja. Manufa'at-nya ada-lah lebih banyak daripada mudzarat-nya, kerana sa-bahagian daripada wang loteri ini banyak kita gunakan untuk kebajikan masharifikat, itu-lah sebab-nya di-nama-kan "Loteri Kebajikan Masharifikat" untuk membantu orang² yang di-luar bandar yang berkehendakkan bantuan. Umpama-nya, di-tempat saya ber-chadang dari semenjak sa-belum perang dahulu hendak membuat satu Masjid, di-sungai Pinang, Klang, sa-hingga hari ini belum dapat di-bena, wang derma yang di-kutip dari sa-Malaya dapat hanya lebih kurang \$4,000 sedangkan chita² hendak membuat Masjid, belum berhasil, saya telah meminta bantuan dari Loteri Kebajikan Masharifikat sa-banyak \$30,000—ini satu munafa'at, dan meminta pula satu sekolah 'Arab untuk anak², sa-banyak \$9,000 dan \$12,000 ini pun telah di-kemukakan. Mana lebih suka kita melihat anak² kita

yang akan menjadi dewasa seperti kita ini mempunyai pelajaran dan pengetahuan yang baik daripada kita melihat anak² itu tegak menjadi sabatang kayu? Saya menyatakan, saya lebih suka menengok anak² kita yang bakal jadi besar itu menjadi ra'ayat yang sempurna mempunyai pengetahuan, dengan belajar di-sekolah² dan tempat² yang di-dirikan itu daripada ia hidup berdiri tegak terchegat sebagai kayu yang tidak ada apa guna-nya. Kenyataan kita mesti-lah beralaskan bukti yang benar. Tuan Yang di-Pertua, loteri ini kata pehak PMIP telah menghilangkan ikhlak beberapa banyak orang yang membeli loteri hingga ada yang gila tetapi kenyataannya tidak ada, tidak ada report dalam Police Station mengatakan orang ini gila kerana loteri dan tidak pula ada orang mengatakan kerana dia hendak membeli loteri ini bergadai kerusi, tidak ada kenyataan dan tidak ada report.

Saya tahu juga tentang membeli tiket loteri—dalam poket saya ada 5 helai. Kita membeli tiket loteri ini dengan i'tikad kerana hendak membantu kebajikan masharakat, kalau tidak kena tidak apa, tetapi kalau kena kita punya nasib. Kalau orang² PMIP beli tiket—kalau ada-lah mereka membeli, kalau kena \$350,000 apa hal, ada-kah akan di-pulangkan kapada Pejabat Kebajikan untuk orang ramai. Tetapi saya tidak suka-lah hendak mengatakan kerana perkara duit susah hendak di-timbang-kan sebab bila kita dapat duit perasaan telah bertukar dari maksud yang asal, pada kebiasaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang ada di-hadapan kita sekarang ada-kah loteri kebajikan termasok di-dalam bilangan perjudian. Ini yang saya hendak dapat tahu daripada 'alim 'ulama seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Yang sa-tahu saya tidak ada 'alim 'ulama, orang yang wara' dan yang salleh² di-dalam Tanah Melayu ini dapat mengistilahkan bahawa Loteri Kebajikan Masharakat termasok di-bawah satu bahagian perjudian—belum ada, chuma yang saya dengar orang² pehak PMIP

sahaja mengatakan. Saya tidak mahu mengaku kalau orang² 'ulama daripada pehak PMIP mengatakan ini istilah mereka—saya tidak mahu mengaku, kerana saya tidak menganggap mereka sa-bagai 'ulama atau orang yang wara' dan orang yang ber'amal salleh. Tetapi kalau ada 'ulama² yang salleh di-Persekutuan Tanah Melayu ini mengatakan bahawa ini ada-lah termasok dalam bahagian judi—tetapi belum ada. Jadi di-sebabkan banyak ahli², baik Perikatan sendiri pun, mempunyai fikiran yang berlainan kerana tidak ada 'alim 'ulama yang benar² kahadapan mengemukakan bahawa ini satu bahagian judi. Saya pernah juga mendengar 'alim 'ulama dari Indonesia, nama-nya ta' usah-lah saya sebut, mengatakan perkara ini boleh jadi harus kata-nya. Saya tidak berani mengaku kerana saya bukan terdiri daripada 'alim 'ulama.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya benar² berchakap ia-itu di-dalam kawasan saya telah ada chadangan hendak membuat madrasah dan sekolah 'Arab. Mula-nya orang itu ahli PAS hendak kumpulkan duit tidak dapat, dia hendak masok jadi ahli UMNO. Saya kata boleh, sebab pendapat saya lain, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya kalau orang hendak masok dengan mempunyai niat yang baik tidak ada salah-nya dia pun berniat baik hendak mendirikan rumah sekolah 'Arab. Mereka hendak meminta wang \$12,000 saya kata insha Allah boleh dapat. Mereka pun berhenti daripada PAS dan masok ahli UMNO, sudah active pula dalam UMNO sekarang. Jadi saya tidak tahu bagaimana peredaran dunia sekarang ini berkenaan dengan loteri ini. Tidak ada orang yang sa-benar² 'alim yang boleh kita pegang perkataan-nya dalam masaalah ini hanya orang² PMIP sahaja berchakap². Tetapi saya hendak mendengar daripada pejabat Mufti². Mufti mengatakan loteri haram tetapi duit-nya belum tahu, harus kata-nya ia-itu di-Johor. Jadi saya rasa chukup-lah Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Tuan Syed Hashim bin Syed Ajam (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua.

berkenaan dengan Loteri Kebajikan Masharifikat ini saya sokong dengan sa-penoh-nya. Loteri yang menjadi perbinchangan pada masa ini ada dua macham, satu Loteri Kebajikan Masharifikat dan satu lagi loteri yang betul² ia-lah macham loteri Turf Club atau loteri² yang di-buat oleh sa-suatu perkumpulan untuk memikat wang. Loteri yang kedua ini tetap haram, Tuan Yang di-Pertua. Loteri Kebajikan Masharifikat ini kita sudah tengok daripada istilah ayat Kebajikan Masharifikat yang di-buat oleh Kerajaan. Kerajaan boleh membuat kerana memikirkan wang² itu hendak di-tanggong jawabkan kepada ra'ayat jelata di-dalam hal ehwal pentadbiran negeri ini dan dari situ mengikut gaya Loteri Kebajikan Masharifikat ini ada-lah saperti kata tadi ada pehak membangkang berdasarkan kapada fa-ham ugama, ia-itu saya mengaku juga salah tetapi saperti saya katakan tadi pehak loteri yang tidak kena mengena kepada masharifikat.

Jadi ada-lah hukum ugama itu dia bersendi kapada dua sendi. Satu ia-lah 'akal, yang kedua ia-lah 'adat, hendak champor sama. Dengan jalan itu apabila wafat pengajar besar Nabi Muhammad s.a.w. maka 'ulama telah berbahagi dua. Satu 'ulama di-bangsakan "Salif" dan satu lagi di-bangsakan "Khalif". Ada-lah 'ulama Khalif dia tidak pakai ayat² ijmak, dia pakai apa yang ada tertulis di-dalam Koran mereka tidak kuasa meminda, ikut sahaja bagitu. Tetapi berkenaan dengan 'ulama Khalif ini tidak dapat menyuarakan untuk kemajuan kepada dunia, kemajuan hidup manusia dari-pada satu kurun kepada satu kurun dan daripada satu peredaran kepada satu peredaran. Oleh yang demikian berdiri pula 'ulama yang di-bangsakan "Khalif" ma'ana-nya "bersalahannya" yang hendak mentafsirkan dan membentuk dasar² ayat Koran ka-mana yang baik hendak di-tujukan. Jadi sekarang macham jalan 'ulama Khalif saya, fikir perkara ini tidak jatoh kepada haram, tetapi saya berani mengatakan jatoh kepada harus kerana Kerajaan membuat untok kebajikan masharifikat.

Jikalau kita fikirkan, loteri yang salah ia-lah loteri² yang di-buat oleh saudagar² atau kelab², itu saya mengaku haram sebab wang² itu untuk fa'edah

kelab itu sendiri dan tidak berupa pen-dearmaan kapada ra'ayat jelata melainkan masok ka-dalam kochek-nya sahaja. Itu sudah tetap mudzarat mengikut dasar² yang di-sebutkan oleh pehak² pembangkang tadi. Jadi saya hendak-lah memberi peringatan kepada Yang Berhormat², kita di-sini ada-lah tidak dapat membicharakan perkara halal haram-nya. Sekarang saya pandukan-lah ia-itu mana-kah yang baik-nya kita membuat Loteri Kebajikan Masharifikat ini dengan kita meminjam keluar negeri. Kalau chara meminjan wang keluar negeri dengan sharat kita mesti membayar bunga dan bunga itu riba' pada dasar Islam. Walau satu sen sa-kali pun, riba' juar, tetapi boleh juga kita jalankan pada Khalapiyah, ma'ana-nya, sebab hendak mengurus kebajikan negeri ini, hendak memelihara hal² pentadbiran kehidupan ra'ayat, kebajikan ra'ayat maka terpaksa-lah kita mengambil bunga wang itu saperti negeri² yang telah memberi kita pinjam wang, saperti Amerika Sharikat. Sebab terpaksa-nya itu kita masokkan lagi bahagian dharurat kita. Jadi, dengan sebab ini tidak-lah sa-macham betul² yang kita katakan riba' kerana masok dalam Khalapiyah kerana kita hendak membuat kebajikan, kalau kita tidak berbuat bagitu sudah tidak ada kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, masok pula saya mengatakan berhubong dengan perkara loteri tikam ekor: Saya tahu loteri masharifikat ini tidak thabit dengan tikam ekor, Tuan Yang di-Pertua. Yang thabit ia-lah loteri yang di-katakan loteri lumba kuda yang di-buat oleh satu kumpulan yang di-katakan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi fikir-lah baik², tidak-lah boleh Kerajaan hendak menegah loteri yang sa-macham itu yang di-buat oleh loteri lumba kuda itu kerana tuan² tahu-lah penduduk² negeri ini ia-lah berbagai² bangsa bukan semua-nya orang Islam. Maka puak orang² yang tidak Islam mahu-lah dia membuat perkara yang demikian. Jadi dengan ada-nya itu, jika kita hendak mlarang loteri itu, jadinya berma'ana bahawa tamaddun dunia tidak-lah dapat hendak di-jalankan, sa-olah² negeri kita ini berbalek-lah keadaan-nya saperti katak di-bawah

tempurong. Apa yang kita hendak buat; tetapi kalau kita tahu kita orang Islam loteri lumba kuda itu haram ta' usahalah beli tetapi orang yang bukan Islam dia mesti membeli sebab itu satu sharat tamaddun hidup mereka itu. Di-situ-lah puncha-nya keluar-nya judi tikam ekor. Judi tikam ekor ini ada-lah perkara yang sulit yang menyusahkan kita hendak melarang sa-kali pun kerana apa, kerana perkara itu umpamakan macham orang jual chandu gelap, kalau dapat di-tangkap, salah-lah dia, kalau ta' dapat di-tangkap, jalan-lah dia. Tetapi sa-kira-nya Yang Berhormat² daripada parti Islam tahu ada di-chelah² mana, sila-lah dia berurus kepada pegawai yang bertanggong-jawab hal jalan gelap itu. Jadi, saya fikir ta' dapat-lah saya hendak berchakap banyak dalam perkara ini, masa-nya tidak mengizinkan, saya fikir kalau sa-kira-nya puak² pembangkang tidak puas hati perkara ini barangkali, chuba-lah dia berbisek² dengan 'alim 'ulama dan chuba tanya baik² tetapi tunjokkan jalan masaalah Khalapiyah ini, barangkali saya fikir ta' berani 'ulama itu mengatakan perkara ini tidak merupakan kebajikan.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, sudah-lah banyak Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap dan merangkang satu persatu dalam segi ugama dalam kebajikan masharakat, dan natijah² yang dapat daripada loteri ini. Tetapi ada-lah usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesehatan dan Kebajikan Masharakat ini, saya chukop perchaya mendapat sambutan yang baik daripada semua masharakat yang ada di-dalam Semenanjong Tanah Melayu ini. Hanya sa-bahagian pehak orang Melayu sahaja, kerana ada-lah sa-tengah daripada sa-tengah-nya berkata wang yang di-terima daripada wang loteri Kebajikan Masharakat ini boleh di-gunakan, dan sa-tengah dari-pada sa-tengah-nya termasok di-dalam judi. Saya tidak-lah menghalalkan benda yang haram atau mengharamkan benda yang halal tetapi judi itu sudah tentu-lah haram bagi sisi ugama kita. Tetapi di-dalam masa'lah wang yang di-terima daripada kebajikan ini ada 'alim 'ulama yang membolehkan-nya. Kalau ta' salah dalam ingatan saya,

fatwa yang di-keluarkan oleh Mufti Johor ia-itu boleh di-terima wang dari-pada Kebajikan Masharakat ini di-gunakan bagi faedah ramai. Kalau bagitu, 'alim 'ulama boleh meng-haruskhan dan boleh menggunakan wang daripada kebajikan ini bagi faedah orang ramai. Sa-perkara lagi saya dapat, Tuan Yang di-Pertua, yang membingungkan kepala orang² Melayu ia-itu ada sa-tengah daripada sa-tengah 'alim 'ulama juga sa-bagaimana yang di-terangkan satu persatu oleh sa-tengah daripada sa-tengah bijak pandai dalam ugama telah menggunakan wang kebajikan ini bagi fa'edah Mesjid, Surau, Sekolah 'Arab dan sa-bagai-nya. Saya perchaya-lah orang yang mengambil wang kebajikan ini tentu-lah bersandar juga dalam perkara ugama. Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, hal wang ini bukan-lah di-khaskan kapada orang² Islam atau orang Melayu sahaja, tetapi di-bukakan kapada siapa² juga yang ada di-Semenanjong Tanah Melayu ini.

Sa-kira-nya Loteri Kebajikan ini di-persetujukan, dan kita tidak me-nangambil bahagian dalam perkara ini, saya takut wang itu di-ambil oleh pehak yang lain menggunakan bagi fa'edah bangsa dan ugama-nya.

The Assistant Minister of Education (Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² dengan rakan saya yang di-sabelah sini menyokong dengan sa-penoh-nya supaya Undang² Loteri Kebajikan Masharakat ini di-lanjutkan masa-nya daripada 11 haribulan December, 1960 hingga 5 tahun. Saya tidak-lah ingin hendak mengulang kaji hujah² yang telah di-buat oleh kedua² pehak di-sini sama ada pehak yang menyokong atau pehak pembangkang, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah memberi amaran supaya tidak mengulang semula. Bagi pehak diri saya sendiri sunggoh pun saya telah mendengar beberapa hujah² yang telah di-keluarkan oleh pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu, saya berasa was-was dan berasa ragu² sama ada mereka itu sa-benar-nya menentang loteri ini. Kenapa saya berkata bagitu, Tuan Yang di-Pertua? Pada masa

bulan April yang lalu saya telah berada di-negeri Trengganu di-mana saya telah membuka beberapa buah sekolah yang telah di-dirikan oleh wang loteri, dan bersama² saya di-situ ia-lah wakil Kerajaan Trengganu dan di-mana juga saya pergi, Ahli Yang Berhormat Tuan Taib Sabri, Speaker Negeri Trengganu ada mengikut saya di-tiap² tempat yang saya pergi itu, dan tiap² kali di-mana juga beliau itu berchakap pada masa membuka majlis sekolah ini beliau telah mengatakan uchapan terima kaseh beliau kepada Lembaga Loteri dan beliau telah menyatakan bahawa sa-nya beliau berharap supaya bantuan daripada Lembaga Loteri ini dapat di-lanjutkan dari satu masa ka-satu masa.

